



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU

SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU**

SIRI 1



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	PEJABAT TANAH KEMAMAN PEJABAT TANAH SETIU
3	Pengurusan Pemberilikan Tanah Untuk Tujuan Pembangunan
	MAJLIS DAERAH BESUT MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
17	Pengurusan Perolehan
	MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
32	Pengurusan Pensijilan Halal
49	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan "*AG's Dashboard*" yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan dan 3 Agensi Kerajaan Negeri Terengganu. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

17 Februari 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. PEJABAT TANAH KEMAMAN PEJABAT TANAH SETIU

- Pengurusan Pemberimilikan Tanah Untuk Tujuan Pembangunan

1.1. Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) mentakrifkan pemberimilikan tanah sebagai pelupusan tanah Kerajaan Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selamanya. Kuasa untuk melupuskan tanah oleh PBN boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) ataupun Pentadbir Tanah. Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada individu, jabatan atau agensi Kerajaan dan swasta serta penduduk kawasan penempatan semula. Tujuan pemberimilikan tanah adalah untuk pembangunan pertanian, perumahan, komersil dan industri. Daerah Setiu mempunyai keluasan 130,436.3 hektar manakala Daerah Kemaman mempunyai keluasan tanah 253,559.9 hektar. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014, Pejabat Tanah Setiu (PTS) menerima sebanyak 5,164 permohonan tanah dan Pejabat Tanah Kemaman (PTK) sebanyak 10,582 permohonan. Hasil yang dikutip daripada aktiviti pemberimilikan tanah oleh PTS adalah berjumlah RM10.07 juta dan PTK berjumlah RM55.57 juta.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati pengurusan pemberimilikan tanah di kedua-dua PTS dan PTK adalah memuaskan dari aspek bilangan permohonan tanah yang diluluskan dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Pembangunan belum dijalankan terhadap tanah yang diberimilik. Di samping itu, terdapat pembangunan dijalankan ke atas tanah yang belum diluluskan oleh PBN.
- Permohonan diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan. Manakala sistem e-Mohon tidak digunakan sepenuhnya.
- Borang 5A (Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar) dikeluarkan melebihi sebulan.
- Proses pendaftaran hak milik memakan tempoh yang lama.
- Permohonan diluluskan sebelum Borang Jadual 1 (Permohonan Minta Tanah) diterima.
- Bayaran premium tidak mengikut nilai pasaran semasa.

1.3. Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan pemberimilikan tanah bagi tujuan pembangunan, Pejabat Tanah Setiu dan Pejabat Tanah Kemaman adalah disyorkan:

1.3.1. Meningkatkan pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tanah yang diberimilik dibangunkan selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dan mengelakkan berlaku kes-kes tanah kerajaan dibangunkan tanpa kebenaran.

1.3.2. Menetapkan tempoh masa pada setiap proses kerja dalam urusan pemberimilikan tanah sebagai panduan dan kawalan bagi memastikan tempoh penyelesaian permohonan tanah dapat dicapai.

1.3.3. Mengkaji semula prosedur permohonan pemberimilikan yang membabitkan Borang Jadual 1 untuk mengelakkan daripada ketidakpatuhan kepada Kanun Tanah Negara dan Peraturan Tanah Terengganu.

1.3.4. Memastikan proses semakan dan laporan oleh Penolong Pegawai Tanah dilaksanakan dengan segera dan latihan yang sewajarnya diberikan bagi meningkatkan tahap kecekapan. Penggunaan teknologi seperti Sistem e-Mohon hendaklah dimanfaatkan untuk melicinkan proses permohonan dan pemantauan.

2. MAJLIS DAERAH BESUT MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN - Pengurusan Perolehan

2.1. Pada tahun 2011 hingga September 2014, Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dan Majlis Daerah Besut (MDB) telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM193.09 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 39 perolehan kerja yang berjumlah RM48.71 juta dilaksanakan melalui kaedah tender, 415 perolehan berjumlah RM53.90 juta dibuat melalui kaedah sebut harga dan 2,388 perolehan kerja dan bekalan yang berjumlah RM29.13 juta dilaksanakan melalui kaedah perolehan terus. Selain itu, sejumlah 12 perolehan atau RM61.35 juta adalah melalui kaedah rundingan terus. Sumber peruntukan adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga September 2014 mendapati pengurusan perolehan di MPK dan di MDB adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa ketidakpatuhan dalam prosedur perolehan. Antara kelemahan yang ditemui dalam pengurusan perolehan mengikut kaedah perolehan adalah seperti berikut:

- Perolehan secara tender dan rundingan terus.
 - Bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.
 - Projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.
 - Projek siap tidak dimanfaatkan/digunakan.
 - Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa lewat diluluskan.
 - Dokumen kontrak tidak disediakan dan lewat ditandatangani.

- Perolehan secara sebut harga.
 - Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga tidak dilantik.
- Perolehan secara pembelian terus.
 - Pesanan kerajaan dikeluarkan selepas barangan/perkhidmatan diterima.
 - Pembelian terus ke atas item yang sama melebihi RM50,000 setahun.

2.3. Bagi memastikan pengurusan perolehan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Besut mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. Membuat pemantauan yang lebih rapi terhadap perolehan terutamanya kontrak pembinaan bagi mengelak kelewatan menyiapkan projek justeru menjejaskan imej Majlis. Majlis perlu memastikan pengurusan perolehan yang melibatkan lanjutan masa dan pendaftaran aset diurus dengan teliti. Kontrak hendaklah disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

2.3.2. Mengambil tindakan tatatertib atau surcaj yang sepatutnya terhadap mereka yang terlibat dalam pembayaran tidak teratur mengenai kerja yang tidak dilaksanakan supaya menjadi pengajaran kepada orang lain.

2.3.3. Memastikan Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga dilantik secara bertulis dan tempoh kerja dilindungi oleh polisi insurans.

3. MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

- Pengurusan Pensijilan Halal

3.1. Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) merupakan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, premis, barangan, aktiviti atau perkhidmatan. Pengeluaran Sijil Halal ini adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia Tahun 2011 (Semakan Kedua) (MPPH) yang dikeluarkan oleh JAKIM. Proses pensijilan halal bagi Negeri Terengganu diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Halal (Jabatan Halal), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Mulai 1 Mac 2012, kaedah pengurusan pensijilan halal telah dilaksanakan melalui sistem e-Halal. Permohonan pensijilan halal yang telah selesai diproses dan melepasi peringkat pengauditan akan dibawa kepada Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal Negeri untuk kelulusan. Seterusnya, ia akan dikemukakan kepada JAKIM untuk urusan pengeluaran Sijil Halal.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2014 terhadap 196 permohonan yang diproses oleh Jabatan Halal mendapati pengurusan pensijilan Halal yang dilaksanakan oleh Jabatan Halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, ia perlu dipertingkatkan lagi kerana terdapat beberapa isu seperti di bawah:

- Tempoh pemprosesan pensijilan halal mengambil masa yang panjang.
- Pemantauan terhadap pemegang Sijil Halal kurang memuaskan. Surat peringatan tidak dikeluarkan kepada pemegang Sijil Halal yang akan tamat tempoh Sijil Halal.
- Tahap kesedaran pengusaha premis dan produk terhadap Sijil Halal masih rendah.

3.3. Bagi meningkatkan tahap pengurusan Pensijilan Halal Negeri Terengganu pada masa akan datang, Jabatan Pengurusan Halal (Jabatan Halal), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) adalah disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

3.3.1. Mengkaji semula prosedur proses permohonan Sijil Halal dan menetapkan tempoh masa yang lebih jelas dan bersesuaian untuk setiap peringkat pemprosesan agar tempoh penyelesaian permohonan Sijil Halal dapat dipertingkatkan.

3.3.2. Menetapkan kekerapan pemeriksaan secara berkala terhadap premis yang telah mendapat Sijil Halal agar syarat pensijilan halal yang ditetapkan dipatuhi.

3.3.3. Mempergiatkan aktiviti promosi dan hebahan bagi meningkatkan kesedaran terhadap keperluan pensijilan halal kepada pengusaha dan pengguna.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

PEJABAT TANAH KEMAMAN PEJABAT TANAH SETIU

1. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) mentakrifkan pemberimilikan tanah sebagai pelupusan tanah Kerajaan Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selamanya. Kuasa untuk melupuskan tanah oleh PBN boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) ataupun Pentadbir Tanah. Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada individu, jabatan atau agensi Kerajaan dan swasta serta penduduk kawasan penempatan semula.

1.1.2. Tujuan pemberimilikan tanah adalah untuk pembangunan pertanian, perumahan, komersil dan industri. Pihak Berkuasa Negeri semasa meluluskan pemberimilikan tanah terlebih dahulu menentukan beberapa perkara seperti keluasan tanah, tempoh pegangan tanah, jenis hak milik, kadar cukai tanah, kadar premium dan syarat nyata serta sekatan yang dikenakan.

1.1.3. Negeri Terengganu mempunyai 8 daerah dengan keluasan keseluruhannya adalah 1,295,512.1 hektar. Daerah Setiu mempunyai keluasan 130,436.3 hektar yang mengandungi 7 mukim manakala Daerah Kemaman mempunyai keluasan tanah 253,559.9 hektar yang terbahagi kepada 11 mukim. Pejabat Tanah Setiu (PTS) dan Pejabat Tanah Kemaman (PTK) bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran tanah di kedua-dua daerah meliputi permohonan cukai tanah, pengambilan balik tanah, pemberimilikan tanah, pembangunan tanah dan kutipan cukai tanah serta hasil tanah yang lain. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014, PTS menerima sebanyak 5,164 permohonan tanah dan PTK sebanyak 10,582 permohonan. Manakala hasil yang dikutip daripada aktiviti pemberimilikan tanah oleh PTS adalah berjumlah RM10.07 juta dan PTK berjumlah RM55.57 juta. Butiran lanjut bilangan permohonan tanah dan kutipan hasil daripada aktiviti pemberimilikan tanah adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Jumlah Permohonan Tanah Dan Kutipan Hasil Bagi Tahun 2010 Hingga 2014

Tahun	PTS		PTK	
	Permohonan (Bil.)	Kutipan Hasil (RM)	Permohonan (Bil.)	Kutipan Hasil (RM)
2010	858	1,458,049	2,119	5,023,628
2011	557	3,776,077	1,658	5,135,797
2012	2,978	2,085,588	3,929	12,280,635
2013	543	1,640,337	1,664	27,122,204
2014*	228	1,109,059	1,212	6,005,277
Jumlah	5,164	10,069,110	10,582	55,567,541

Sumber: Pejabat Tanah Setiu dan Pejabat Tanah Kemaman

Nota: * Setakat 31.08.2014

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pemberimilikan tanah bagi tujuan pembangunan diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan terhadap permohonan dan pemberimilikan tanah bagi tujuan pembangunan bagi tahun 2010 hingga 2014 di Pejabat Tanah Setiu (PTS) dan di Pejabat Tanah Kemaman (PTK). Sebanyak 50 fail permohonan merangkumi pemberimilikan kepada agensi awam dan swasta bagi tujuan pembangunan pertanian, perumahan dan industri telah dipilih sebagai sampel Audit. Kaedah pengauditan adalah dengan memeriksa fail permohonan, daftar permohonan, rekod kewangan, kertas cadangan, minit mesyuarat dan lawatan tapak. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan permohonan dan pemberimilikan tanah turut dilakukan. *Exit Conference* bersama Pegawai Daerah, Pejabat Tanah Setiu, pegawai-pegawai kanan dari Pejabat Tanah Kemaman, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu dan Unit Perancang Ekonomi Terengganu telah diadakan pada 7 Januari 2015.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati pengurusan pemberimilikan tanah di kedua-dua PTS dan PTK adalah memuaskan dari aspek bilangan permohonan tanah yang diluluskan dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Pembangunan belum dijalankan terhadap tanah yang diberimilik. Di samping itu, terdapat pembangunan dijalankan ke atas tanah yang belum diluluskan oleh PBN.
- Permohonan diselesaikan melebihi tempoh yang ditetapkan. Manakala sistem e-Mohon tidak digunakan sepenuhnya.
- Borang 5A (Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar) dikeluarkan melebihi sebulan.
- Proses pendaftaran hak milik memakan tempoh yang lama.
- Permohonan diluluskan sebelum Borang Jadual 1 (Permohonan Minta Tanah) diterima.
- Bayaran premium tidak mengikut nilai pasaran semasa.

1.4.1. Prestasi Pembangunan Atas Tanah Yang Diberimilik

1.4.1.1. Matlamat utama pemberimilikan tanah kepada agensi kerajaan atau swasta adalah untuk dibangunkan bagi menjana ekonomi negeri dan menjamin kesejahteraan penduduk. Pejabat Tanah bertanggungjawab memastikan bahawa tanah kerajaan dapat dimajukan seiring dengan rancangan pembangunan Kerajaan Negeri. Pejabat Tanah hendaklah menjadi pemangkin dalam mempercepatkan proses pembangunan Negeri Terengganu dengan memastikan permohonan pemberimilikan tanah bagi tujuan pembangunan diselesaikan. Sepanjang tempoh 2010 hingga 2014 sejumlah 3,747 permohonan tanah yang dikemukakan oleh agensi kerajaan dan swasta telah diluluskan bagi Daerah Kemaman dan Setiu. KTN Seksyen 115(1)(c), 116(1)(a) dan 117(1)(b) menetapkan tempoh pembangunan tanah bagi pertanian, bangunan dan industri masing-masing adalah 3 tahun, 2 tahun dan 3 tahun selepas diberimilik. Manakala mengikut syarat-syarat nyata dalam dokumen hak milik yang dikeluarkan, tanah yang diberimilik hendaklah dibangunkan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu/Pentadbir Tanah. Jika pemilik gagal memajukan tanah berkenaan Kerajaan Negeri boleh merampas tanah itu tanpa apa-apa halangan.

1.4.1.2. Lawatan Audit ke 15 tapak yang telah diberimilik melebihi 2 tahun mendapati 7 tapak telah dibangunkan manakala 8 tapak lagi belum dibangunkan sepertimana tujuan pemberimilikan diluluskan. Adalah diperhatikan di kebanyakan kawasan tanah yang belum dibangunkan itu telah pun ada disediakan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik serta berhampiran dengan bangunan lain seperti bangunan kedai, rumah kediaman dan depoh penyimpanan kenderaan agensi Kerajaan. Senarai tanah yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Status Pembangunan Tanah Yang Diberimilik

Bil.	No. Fail	Lokasi	Tujuan Pembangunan	Tarikh Diberimilik	Status
1.	PTS 07/15/2009/0030	Kg. Pak Kancil, Setiu	Bangunan Kedai	01.08.2012	Telah Dibangunkan
2.	PTS 04/15/2010/0002	Bandar Permaisuri, Setiu	Bangunan Kedai	02.04.2012	Telah Dibangunkan
3.	PTK 12/15/2010/0025	Kaw. Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman	Perkhidmatan Penyelenggaraan <i>Major Topside</i>	11.10.2012	Telah Dibangunkan
4.	PTK 03/15/2010/0094	Pasir Minal, Kemaman	Bangunan Perumahan	14.12.2011	Telah Dibangunkan
5.	PTK 02/15/2010/0208	Kg. Mak Lagam, Kemaman	Bangunan Perumahan	28.07.2011	Telah Dibangunkan
6.	PTK 09/15/2012/0058	Kg. Paya Lasir, Kemaman	Bangunan Perumahan (Kuarters)	30.07.2012	Telah Dibangunkan
7.	PTK 09/15/2013/0047	Bandar Baru Kijal, Kemaman	Bangunan Perusahaan	02.09.2013	Telah Dibangunkan
8.	PTK 02/15/2011/0310	Kawasan Perindustrian Mak Lagam, Kemaman	Pusat Mengetin Cat	04.11.2012	Belum Dibangunkan

Bil.	No. Fail	Lokasi	Tujuan Pembangunan	Tarikh Diberimilik	Status
9.	PTK 02/15/2011/0217	Kawasan Perindustrian Mak Lagam, Kemaman	Kilang Industri Kecil Dan Sederhana	24.07.2011	Belum Dibangunkan
10.	PTK 02/15/2011/0231	Kawasan Perindustrian Mak Lagam, Kemaman	Projek Pergudangan Dan Kilang Bahan Binaan	17.05.2012	Belum Dibangunkan
11.	PTK 12/15/2010/0004	Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman	Kimpalan Dan Fabrikasi	28.06.2011	Belum Dibangunkan
12.	PTS 07/15/2009/0031	Kg. Pak Kancil, Tasik, Setiu	Bangunan Kedai	16.05.2012	Belum Dibangunkan
13.	PTS 02/15/2010/0110	Kg Guntung Luar, Guntung Setiu	Bangunan Kedai	16.05.2012	Belum Dibangunkan
14.	PTS 02/15/2010/0112	Kg Guntung Luar, Guntung Setiu	Bangunan Kedai	16.05.2012	Belum Dibangunkan
15.	PTS 07/15/2011/0026	Putera Jaya, Tasik, Setiu	Bangunan Kedai	01.11.2012	Belum Dibangunkan

Sumber: Pejabat Tanah Setiu dan Pejabat Tanah Kemaman

1.4.1.3. Contoh tanah yang dibangunkan adalah seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.3** manakala tanah yang belum dibangunkan adalah seperti di **Gambar 1.4** hingga **Gambar 1.6**.

Gambar 1.1
Bangunan Kedai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Permaisuri, Setiu
Tarikh: 04 November 2014

Gambar 1.2
Tapak Yang Menjalankan Perkhidmatan Penyelenggaraan *Major Topside*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman
Tarikh: 15 Oktober 2014

Gambar 1.3
Bangunan Perumahan Yang Hampir Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pasir Minal, Kemaman
Tarikh: 15 Oktober 2014

Gambar 1.4
Tapak Pusat Mengetin Cat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Mak Lagam,
Kemaman
Tarikh: 15 Oktober 2014

Gambar 1.5
Tapak Projek Pergudangan Dan Kilang
Bahan Binaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Mak Lagam,
Kemaman
Tarikh: 15 Oktober 2014

Gambar 1.6
Tapak Bangunan Kedai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Pak Kancil, Setiu
Tarikh: 4 November 2014

1.4.1.4. Pembangunan berkenaan belum dilaksanakan kerana tiada pemantauan oleh Pejabat Tanah dan PTG ke atas tanah selepas diberimilik bagi melihat kemajuan pembangunan secara fizikal. Oleh itu, tiada sebarang tindakan diambil terhadap tuan tanah tersebut. Selain itu, pihak Audit juga dimaklumkan PTS dan PTK tidak mempunyai mekanisme bagi memantau status pembangunan sesuatu tanah setelah diberimilik. Pembangunan tanah yang tidak dilaksanakan ini menyebabkan manfaat dan hasil pembangunan yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat dan Kerajaan Negeri tidak diperolehi.

1.4.1.5. **Berdasarkan maklum balas PTS bertarikh 7 Januari 2015, memaklumkan selepas tanah dilupuskan ianya adalah menjadi tanggungjawab agensi berkenaan. Sekiranya pembangunan tidak dilaksanakan, pihak PTS boleh mengambil tindakan melalui pengeluaran Notis 7E (Pelanggaran Syarat-Notis Tunjuk Supaya Menunjukkan Sebab Mengenai Pengenaan Denda) dan Notis 7F (Pelanggaran**

Syarat Yang Berterusan) kepada agensi berkaitan, memohon agar tindakan pembangunan kawasan tersebut disegerakan untuk memberi manfaat kepada rakyat dan meningkatkan ekonomi Negara.

1.4.1.6. Berdasarkan maklum balas PTK bertarikh 7 Januari 2015, kebanyakan tapak yang belum dibangunkan selepas 2 tahun diberi milik terletak di Kawasan Perindustrian Mak Lagam yang mana kemudahan infrastrukturnya belum lagi disediakan. Penyediaan Infrastruktur tersebut adalah di bawah tanggungjawab pihak UPEN.

1.4.1.7. Berdasarkan maklum balas Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bertarikh 11 Januari 2015, Kawasan Perindustrian Mak Lagam adalah dalam proses disediakan infrastruktur seperti jalan, longkang, lampu jalan, bekalan air dan lain-lain infra berkaitan. Setakat ini penguatkuasaan bagi pengambilan balik tanah bagi pelanggaran syarat nyata (tidak beroperasi selepas 2 tahun) tidak dapat dijalankan kerana Kerajaan Negeri masih dalam proses penyediaan infra di kawasan tersebut.

Pada pendapat Audit, tanah yang diberimilik hendaklah dipantau supaya dibangunkan sebagaimana yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi faedah rakyat dan Negeri Terengganu.

1.4.2. Prestasi Penyelesaian Permohonan Tanah

1.4.2.1. Pejabat Tanah hendaklah mencapai prestasi yang baik dalam meningkatkan produktiviti terutama dalam hal pentadbiran dan pengurusan tanah untuk menaikkan imej sebagai agensi kerajaan yang efisien. Prestasi penyelesaian permohonan tanah merupakan aspek penilaian yang dibuat oleh Jabatan Audit untuk melihat kecekapan Pejabat Tanah dalam menyelesaikan permohonan tanah sehinggalah tanah tersebut diberimilik. Analisis berdasarkan rekod Pejabat Tanah Setiu (PTS) dan Pejabat Tanah Kemaman (PTK) bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 (setakat 31 Ogos 2014) mendapati sebanyak 63 permohonan atau 50.4% permohonan tanah diselesaikan oleh PTS manakala PTK pula sebanyak 3,763 permohonan atau 73.9% daripada jumlah permohonan yang diterima bagi tempoh tersebut diselesaikan. Prestasi penyelesaian didapati merosot bagi kedua-kedua pejabat tanah. Peratus penyelesaian PTS menurun daripada 80.5% pada tahun 2010 kepada 27.8% pada tahun 2013 manakala tidak ada permohonan diterima dalam tahun 2014 yang diselesaikan. Prestasi penyelesaian PTK juga menunjukkan penurunan iaitu daripada 99.1% pada tahun 2010 kepada 22.5% pada tahun 2013 manakala peratus penyelesaian pada tahun 2014 adalah 2.5% sahaja. Maklumat lanjut mengenai prestasi penyelesaian permohonan tanah PTS dan PTK masing-masing adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Prestasi Penyelesaian Permohonan Tanah Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2014

Tahun	Jumlah Permohonan	Bilangan Permohonan Selesai			Bilangan Permohonan Belum Selesai	Peratus Selesai
		Lulus	Tolak	Jumlah		
Pejabat Tanah Setiu						
2010	41	19	14	33	8	80.5%
2011	26	5	14	19	7	73.1%
2012	24	2	4	6	18	25.0%
2013	18	2	3	5	13	27.8%
2014*	16	-	-	0	16	0%
Jumlah	125	28	35	63	62	50.4%
Pejabat Tanah Kemaman						
2010	1,870	1,848	5	1,853	17	99.1%
2011	1,015	970	1	971	44	95.7%
2012	755	687	36	723	32	95.8%
2013	896	200	2	202	694	22.5%
2014*	556	14	-	14	542	2.5%
Jumlah	5,092	3,719	44	3,763	1,329	73.9%

Sumber: Pejabat Tanah Setiu dan Pejabat Tanah Kemaman
Nota: * Setakat 31.08.2014

1.4.2.2. Prestasi penyelesaian permohonan tanah oleh PTS dan PTK mula menurun pada tahun 2012 disebabkan lebih tumpuan diberikan bagi menyelesaikan kes-kes permohonan tanah haram. PTK mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding PTS disebabkan sebahagian besar permohonan tanah telah pun diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN)/Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

1.4.2.3. Berdasarkan maklum balas PTS bertarikh 7 Januari 2015, menyatakan prestasi penyelesaian pemberimilikan tanah menurun disebabkan penekanan kepada menyelesaikan permohonan tanah haram yang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri. Selain itu, masalah kekurangan kakitangan dan kekosongan jawatan seperti Penolong Pegawai Tanah (PPT), Pelukis Pelan dan persaraan pegawai juga menjadi punca penurunan prestasi penyelesaian tersebut. PTS dalam Mesyuarat Teknikal Penolong Pegawai Tanah pada 21 Disember 2014 telah menetapkan setiap PPT perlu menyelesaikan 13 permohonan sebulan. Permohonan tanah individu dan agensi juga akan diberikan tumpuan sepenuhnya sebagaimana sasaran kerja tahunan.

1.4.2.4. Berdasarkan maklum balas PTK bertarikh 7 Januari 2015, menyatakan penurunan prestasi tersebut adalah disebabkan penekanan diberikan dalam menyelesaikan permohonan tanah haram yang telah dibuka sehingga 31.12.2012 dan pihak PTG mengarahkan supaya semua permohonan tersebut diselesaikan sebelum 31.12.2015. Selain itu, kekurangan Penolong Pegawai Tanah (PPT) dan Pelukis Pelan juga menjadi punca penurunan prestasi penyelesaian permohonan tanah.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan pemberimilikan tanah kepada agensi boleh ditingkatkan lagi dengan memberikan tumpuan yang sewajarnya terhadap usaha memendekkan tempoh proses yang dijalankan.

1.4.3. Permohonan Diselesaikan Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

1.4.3.1. Piagam Pelanggan/Prosedur Kualiti di PTS dan PTK menetapkan proses pemberimilikan tanah diselesaikan dalam tempoh setahun. Semakan Audit terhadap 41 permohonan yang telah dikeluarkan dokumen Hak Milik Sementara iaitu 12 permohonan di PTS dan 29 permohonan di PTK mendapati kesemua 12 permohonan di PTS mengambil masa lebih daripada satu tahun hingga 3 tahun 5 bulan untuk diselesaikan. Manakala di PTK pula sebanyak 16 permohonan diselesaikan dalam tempoh satu tahun dan 13 permohonan lagi diselesaikan dalam tempoh lebih daripada satu tahun hingga 2 tahun 11 bulan.

1.4.3.2. Semakan lanjut Audit mendapati proses permohonan di PTS adalah melibatkan beberapa peringkat iaitu arahan kepada PPT, laporan PPT disediakan, surat Jabatan Teknikal, kertas MMKN ke PTG, keputusan MMKN, pengeluaran Borang 5A dan penyediaan pendaftaran Hak Milik Sementara seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Tempoh Masa Bagi Setiap Peringkat Proses Kerja Di Pejabat Tanah Setiu

Peringkat Proses Kerja	Permohonan Mengikut Tempoh Masa			
	< 1 Bulan (Bil.)	1 – 6 Bulan (Bil.)	7 – 12 Bulan (Bil.)	Melebihi Setahun (Bil.)
Arahan Kepada PPT	2	10	-	-
Laporan PPT Disediakan	2	8	1	1
Surat Daripada Jabatan Teknikal	-	12	-	-
Kertas MMKN ke PTG	4	8	-	-
Keputusan MMKN	2	10	-	-
Pengeluaran Borang 5A	3	8	1	-
Proses Penyediaan Pendaftaran Hak Milik Sementara	2	7	1	2

Sumber: Pejabat Tanah Setiu

1.4.3.3. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan di PTS adalah :

- a. Tempoh masa diambil untuk memberi arahan tugas kepada Penolong Pegawai Tanah (PPT) untuk membuat siasatan tanah di antara satu hingga 4 bulan selepas permohonan tanah diterima.
- b. Tempoh masa siasatan dan laporan siasatan tanah dikeluarkan oleh PPT adalah di antara satu hingga 21 bulan.
- c. Tempoh masa untuk mendapat ulasan daripada keseluruhan Jabatan Teknikal adalah di antara satu hingga 6 bulan.

- d. Tempoh masa penyediaan kertas cadangan kelulusan untuk mesyuarat MMKN kepada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian di antara satu hingga 6 bulan dan tempoh masa mendapat keputusan MMKN adalah di antara satu hingga 6 bulan.
- e. Pengeluaran Borang 5A adalah di antara satu hingga 11 bulan.
- f. Tempoh masa penyediaan dokumen bagi proses pendaftaran Hak Milik Sementara selepas bayaran diterima adalah di antara satu hingga lebih daripada satu tahun.

1.4.3.4. Semakan lanjut Audit di PTK pula mendapati proses permohonan tanah untuk tujuan pembangunan telah melalui proses yang diringkaskan iaitu semua permohonan tanah adalah melalui agensi seperti Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan lain-lain telah dihantar terus kepada PBN tanpa melalui Pejabat Tanah. Berikut adalah beberapa sebab berlakunya kelewatan di PTK:

- a. Pihak UPEN mengambil masa yang lama untuk memproses permohonan. Sebanyak 6 permohonan yang diurus oleh pihak UPEN mengambil masa 8 bulan hingga melebihi satu tahun dari tarikh Borang Jadual 1 (Permohonan Minta Tanah) sehingga mendapat kelulusan MMKN.
- b. Tempoh masa di antara 3 hingga 8 bulan untuk mendapat Sijil Ukur dan pelan berkaitan daripada pemohon semasa proses penyediaan dokumen hak milik bagi 4 permohonan yang menggunakan khidmat Juru Ukur Berlesen.
- c. Penyediaan dokumen bagi proses pendaftaran hak milik bagi 17 permohonan mengambil masa di antara 3 hingga 10 bulan.
- d. Tempoh masa bayaran (Borang 5A) bagi 4 permohonan telah dilanjutkan atau dijelaskan secara ansuran di antara 5 hingga 12 bulan.

1.4.3.5. Berdasarkan maklum balas PTS bertarikh 7 Januari 2015, permohonan diselesaikan melebihi tempoh diantaranya adalah disebabkan kekurangan Penolong Pegawai Tanah Kanan, lokasi tanah yang dipohon agak sukar untuk dikenal pasti dan kurangnya kerjasama dari agensi berkenaan semasa di lapangan. Selain itu, pelan permohonan daripada agensi yang diterima oleh pentadbiran ini tidak jelas yang mana ianya memerlukan siasatan terperinci serta lewat mendapat pandangan daripada Jabatan Teknikal.

1.4.3.6. Berdasarkan maklum balas PTK bertarikh 7 Januari 2015, permohonan diselesaikan melebihi tempoh diantaranya adalah disebabkan pemohon menunda tarikh temu janji yang telah ditetapkan oleh Penolong Pegawai Tanah sebagaimana borang 29A (Seksyen 400 KTN), pelan yang dikemukakan tidak jelas dan menyukarkan siasatan oleh Penolong Pegawai Tanah, pandangan Jabatan Teknikal

yang dipohon di luar bidang kuasa Pentadbir Tanah serta dasar UPEN membolehkan bayaran premium dijelaskan secara ansuran sehingga 3 tahun.

1.4.3.7. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 7 Januari 2015, memaklumkan terdapat kes-kes yang mengambil masa kerana melibatkan beberapa peringkat semakan dan sokongan seperti oleh Pengarah UPEN, EXCO dan kelulusan Menteri Besar. Setiap permohonan tidak dikemukakan secara berasingan tetapi akan dikumpulkan terlebih dahulu sebelum dikemukakan untuk kelulusan PBN. Selain itu, kelewatan pemohon sendiri dalam mengemukakan dokumen yang berkaitan seperti pelan pra-hitung juga menyebabkan tempoh proses pemberimilik mengambil masa.

Pada pendapat Audit, proses pengeluaran hak milik kurang memuaskan kerana mengambil masa yang lama. Kelewatan mengeluarkan Notis 5A menjejaskan kecekapan pengurusan pemberimilikan tanah dan merugikan kerajaan kerana lewat mendapat hasil.

1.4.4. Proses Pendaftaran Hak Milik Memakan Tempoh Yang Lama

1.4.4.1. Seksyen 80(3) KTN menyatakan setelah pemberimilikan oleh PBN dan bayaran Borang 5A dijelaskan, Pentadbir Tanah akan mendaftar dan mengeluarkan hak milik dan ia menjadi dokumen bukti bagi pemilikan tanah. Sebelum Hak Milik Kekal didaftarkan, tanah akan diukur dan tanda sempadan ditanam di atasnya manakala pelan tanah diperakukan oleh Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri. Sementara menunggu kerja ukur diselesaikan Hak Milik Sementara dikeluarkan kepada pemilik. Hak Milik Sementara didaftarkan selepas semua hasil tanah kena bayar telah dijelaskan.

1.4.4.2. Pemeriksaan Audit mendapati 12 dan 29 permohonan masing-masing di PTS dan PTK telah dikeluarkan dokumen Hak Milik Sementara. Tempoh masa yang diambil oleh PTS untuk mengeluarkan hak milik tersebut adalah antara 26 hari hingga satu tahun 7 bulan manakala PTK pula antara 8 hari hingga satu tahun 11 hari. Semakan lanjut Audit mendapati hanya 2 dan 3 permohonan masing-masing di PTS dan PTK yang dikeluarkan dokumen hak milik dalam tempoh satu bulan selepas bayaran Borang 5A dijelaskan. Ringkasan tempoh masa hak milik dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Tempoh Masa Pengeluaran Dokumen Hak Milik

Pejabat Tanah	Permohonan (Bil.)	Permohonan Mengikut Tempoh Masa			
		< 1 Bulan (Bil.)	1 – 6 Bulan (Bil.)	7 – 12 Bulan (Bil.)	Melebihi setahun (Bil.)
Pejabat Tanah Setiu	12	2	7	1	2
Pejabat Tanah Kemaman	29	3	14	11	1

Sumber: Pejabat Tanah Setiu dan Pejabat Tanah Kemaman

1.4.4.3. Berdasarkan maklum balas PTS bertarikh 7 Januari 2015, pendaftaran hak milik lewat didaftarkan disebabkan kelewatan dalam penyediaan Permintaan Ukur (PU). PTS telah mengambil tindakan dengan menetapkan setiap PPT hendaklah menyiapkan PU pada setiap hari Khamis.

1.4.4.4. Berdasarkan maklum balas PTK bertarikh 7 Januari 2015, kelewatan tersebut berlaku kerana Juru Ukur lewat mengemukakan Sijil Ukur.

Pada pendapat Audit, proses pengeluaran hak milik kurang memuaskan kerana mengambil masa yang lama dan menyebabkan tanah berkenaan lewat dibangunkan.

1.4.5. Permohonan Diluluskan Sebelum Borang Jadual 1 Diterima

1.4.5.1. Mengikut Kanun Tanah Negara dan Peraturan 2(1), Peraturan Tanah Terengganu 1966 setiap permohonan pelupusan tanah hendaklah dibuat melalui Borang Jadual 1. Bayaran proses sejumlah RM10 dikenakan bagi setiap permohonan. Semakan Audit mendapati sebanyak 9 permohonan di PTK di mana tarikh kelulusan PBN bagi permohonan tersebut lebih awal dari tarikh Borang Jadual 1. Ini menunjukkan permohonan berkenaan telah diproses terlebih dahulu walaupun ia dibuat tanpa mengemukakan Borang Jadual 1. Butiran permohonan tersebut adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Permohonan Diproses Sebelum Borang Permohonan Tanah (Borang Jadual 1) Diterima

Bil.	No. Fail	No. Daftar	Tarikh Borang Jadual 1	Tarikh Kelulusan PBN
1.	PTK 01/15/2011/0001(A)	21/2010	04.01. 2011	10.11. 2010
2.	PTK 01/15/2012/0022	225/2012	05.09. 2012	11.07. 2012
3.	PTK 01/15/2013/0002	7/2013	04.04. 2013	09.01. 2013
4.	PTK 02/15/2010/0208	944/2010	02.09. 2010	03.06. 2009
5.	PTK 03/15/2010/0086	86/2010	28.11. 2010	06.05. 2009
6.	PTK 03/15/2010/0094	494/2010	09.11. 2010	06.05. 2009
7.	PTK 09/15/2013/0047	47/2013	03.07. 2013	19.09. 2012
8.	PTK 09/15/2013/0057	57/2013	17.07. 2013	27.02. 2013
9.	PTK 12/15/2012/0079	79/2012	15.10. 2012	12.09. 2012

Sumber: Pejabat Tanah Kemaman

1.4.5.2. Berdasarkan maklum balas PTK bertarikh 7 Januari 2015, permohonan-permohonan tersebut telah mendapat kelulusan dasar daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu kerana kertas kerja bagi permohonan tersebut disediakan oleh Agensi tersebut sendiri seperti KETENGAH dan UPEN.

1.4.5.3. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 7 Januari 2015, menyatakan terdapat juga permohonan dibuat terus kepada EXCO tanpa melalui UPEN.

Pada pendapat Audit, permohonan yang diluluskan tanpa melalui Pentadbir Tanah Daerah menyebabkan pandangan mengenai kesesuaian tapak tanah yang dimohon untuk dimajukan tidak diperoleh terlebih dahulu.

1.4.6. Pembangunan Dijalankan Ke Atas Tanah Yang Belum Diluluskan Oleh PBN

1.4.6.1. Pembangunan tanah tanpa kelulusan PBN di atas tanah kerajaan adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 425(1), Kanun Tanah Negara. Manakala Seksyen 125(1) hingga 129(6), Kanun Tanah Negara memperuntukkan tatacara tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat yang ditetapkan. Berdasarkan Carta Organisasi PTS dan PTK menunjukkan kedua-dua Pejabat Tanah telah mempunyai Bahagian Penguatkuasaan. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan PTS dan PTK tidak menyediakan program khusus atau berkala bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan untuk menentukan sama ada tanah yang diberi milik telah dibangunkan mengikut syarat yang ditetapkan atau tidak. Semakan Audit juga mendapati 3 kes di PTS di mana pembangunan ke atas tanah telah dibuat oleh pemohon walaupun permohonan tanah tersebut belum diluluskan oleh PBN. Kes-kes tersebut adalah seperti di **Jadual 1.7** dan **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.9**.

Jadual 1.7
Pembangunan Telah Dibuat Tanpa Kelulusan

Bil.	No. Fail Pemohon	Lokasi	Pembangunan Yang Dilakukan	Tarikh Mohon
1.	PTS. 00/15/2010/0011	Kaw. Pengkalan Berangan, Penarik, Setiu	Kompleks Pendaratan Ikan	01.01.2014
2.	PTS. 02/15/2013/0027	Kg. Panchur Merah, Guntung, Setiu	Bangunan Pejabat	30.07.2013
3.	PTS. 02/15/2013/0028	Kg. Panchur Merah, Guntung, Setiu	Bangunan Rumah Kakitangan	30.07.2013

Sumber: Pejabat Tanah Setiu

Gambar 1.7
Kompleks Pendaratan Ikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaw. Pengkalan Berangan, Setiu
Tarikh: 10 September 2014

Gambar 1.8
Bangunan Yang Telah Dirikan Di Atas Tanah Yang Belum Diluluskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Panchur Merah, Setiu
Tarikh: 4 November 2014



Gambar 1.9
Bangunan Yang Telah Didirikan
Di Atas Tanah Yang Belum Diluluskan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Panchur Merah, Setiu
Tarikh: 4 November 2014

1.4.6.2. Berdasarkan maklum balas PTS bertarikh 7 Januari 2015, MMKN telah bersetuju meluluskan RTB Panchur Merah, Mukim Guntung, Setiu dimajukan oleh Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Dengan itu, pihak FELCRA beranggapan bahawa bangunan yang dibina termasuk dalam kawasan yang diluluskan. PTS telah menerima permohonan daripada FELCRA pada 30 Julai 2013 dan dalam proses menunggu laporan tanah daripada PPT. Bagi kes pembangunan yang dilakukan di atas tanah yang belum diberi milik, PTS memaklumkan tindakan sedang diambil untuk diberimilik.

Pada pendapat Audit, pembangunan atas tanah selain dari yang diluluskan oleh kerajaan adalah tidak wajar. Ia perlu mendapat kelulusan semula terlebih dahulu.

1.4.7. Bayaran Premium Tidak Mengikut Nilai Pasaran Semasa

Kadar premium bagi tanah yang diberimilik adalah ditetapkan di bawah Peraturan 8, Peraturan Tanah Terengganu 1966. Bagaimanapun, Peraturan 9 memberi kuasa kepada PBN untuk mengenakan premium tanah pada kadar yang berbeza daripada yang ditetapkan di bawah Peraturan 8. Semakan Audit mendapati bayaran premium yang dikenakan tidak seperti mana yang ditetapkan Peraturan Tanah Terengganu 1966 terhadap 19 lot tanah di PTK di mana bayaran premium yang dikenakan berjumlah RM91,700 adalah tidak mengikut nilai pasaran semasa. Mengikut kelulusan MMKN, kadar premium yang ditetapkan adalah 10% daripada nilai pasaran semasa. Bagaimanapun, PTK telah mengenakan bayaran premium bagi tanah tersebut pada kadar 10% tetapi bukan berdasarkan nilai pasaran semasa. Sebaliknya, mengikut perkiraan Audit, anggaran premium berdasarkan kepada pasaran semasa bagi 19 lot tanah yang berkenaan adalah RM110,040. Oleh itu, jumlah premium yang terkurang kutip adalah dianggarkan berjumlah RM18,340. **Berdasarkan maklum balas PTK pada 7 Januari 2015, pihak PTK telah memohon nilai baru daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta dan akan mengeluarkan bayaran tambahan 5A tersebut.**

Pada pendapat Audit, bayaran premium yang kurang dikutip hendaklah dituntut daripada pemilik tanah yang berkenaan. Sekiranya tidak, tindakan surcaj perlu diambil terhadap pegawai kerajaan yang gagal membuat kutipan.

1.4.8. Sistem e-Mohon Tidak Digunakan Sepenuhnya

1.4.8.1. Sistem e-Mohon adalah satu sistem yang digunakan oleh pejabat tanah bagi memproses permohonan tanah. Sistem ini membolehkan setiap peringkat proses kerja dipantau dari peringkat permohonan tanah didaftar sehinggalah urusan penyediaan Borang 5A. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati PTS dan PTK tidak menggunakan Sistem e-Mohon bagi kesemua permohonan tanah yang diterima. Berdasarkan sampel Audit, didapati 8 daripada 15 permohonan di PTS diproses melalui Sistem e-Mohon manakala kesemua 35 permohonan di PTK tidak menggunakan sistem tersebut kerana terdapat permohonan yang dibuat terus kepada PBN tanpa melalui Pejabat Tanah. Oleh itu, permohonan berkenaan tidak diproses melalui sistem e-Mohon sehingga Borang 5A dikeluarkan.

1.4.8.2. **Berdasarkan maklum balas PTS bertarikh 7 Januari 2015, mengakui Sistem e-Mohon tidak digunakan secara menyeluruh. PTS juga mengakui tidak mempunyai keupayaan untuk memantau kedudukan pembangunan sesuatu tanah selepas diberimilik.**

1.4.8.3. **Berdasarkan maklum balas PTK bertarikh 7 Januari 2015, memaklumkan Sistem e-Mohon akan digunakan bagi permohonan bermula tahun 2015 dan PTK akan memantau tanah-tanah yang diberimilik kepada pemohon serta lawatan susulan akan dibuat dari masa ke semasa.**

Pada pendapat Audit, Sistem e-Mohon hendaklah digunakan sepenuhnya bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan dan pemprosesan permohonan tanah.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengurusan pemberimilikan tanah bagi tujuan pembangunan, Pejabat Tanah Setiu dan Pejabat Tanah Kemaman adalah disyorkan:

1.5.1. Meningkatkan pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tanah yang diberimilik dibangunkan selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan dan mengelakkan berlaku kes-kes tanah kerajaan dibangunkan tanpa kebenaran.

1.5.2. Menetapkan tempoh masa pada setiap proses kerja dalam urusan pemberimilikan tanah sebagai panduan dan kawalan bagi memastikan tempoh penyelesaian permohonan tanah dapat dicapai.

1.5.3. Mengkaji semula prosedur permohonan pemberimilikan yang membabitkan Borang Jadual 1 untuk mengelakkan daripada ketidakpatuhan kepada Kanun Tanah Negara dan Peraturan Tanah Terengganu.

1.5.4. Memastikan proses semakan dan laporan oleh Penolong Pegawai Tanah dilaksanakan dengan segera dan latihan yang sewajarnya diberikan bagi meningkatkan tahap kecekapan. Penggunaan teknologi seperti Sistem e-Mohon hendaklah dimanfaatkan untuk melicinkan proses permohonan dan pemantauan.

MAJLIS DAERAH BESUT MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Tatacara Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri.

2.1.2. Pada tahun 2011 hingga September 2014, Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dan Majlis Daerah Besut (MDB) telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM193.09 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 39 perolehan kerja yang berjumlah RM48.71 juta dilaksanakan melalui kaedah tender, 415 perolehan berjumlah RM53.90 juta dibuat melalui kaedah sebut harga dan 2,388 perolehan kerja dan bekalan yang berjumlah RM29.13 juta dilaksanakan melalui kaedah perolehan terus. Selain itu, sejumlah 12 perolehan atau RM61.35 juta adalah melalui kaedah rundingan terus. Kaedah pelaksanaan perolehan dan kos yang dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Bilangan Dan Jumlah Perolehan Bagi Tahun 2011 Hingga September 2014

Bil.	Kaedah Perolehan	PBT	Sumber/Bilangan Perolehan			Jumlah Keseluruhan	
			Persekutuan	Negeri	Majlis	Bilangan	(RM Juta)
1.	Pembelian Terus	MPK	45	113	1,160	2,388	29.13
		MDB	128	261	681		
2.	Sebut Harga	MPK	34	122	73	415	53.90
		MDB	58	127	1		
3.	Tender	MPK	1	4	28	39	48.71
		MDB	1	5	0		
4.	Rundingan Terus	MPK	0	11	0	12	61.35
		MDB	0	1	0		
Jumlah			267	644	1,943	2,854	193.09
(%)			9.3	22.6	68.1	100	

Sumber: Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Besut

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kerja/perkhidmatan dan bekalan di MPK dan MDB telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perolehan bagi tahun 2011 hingga September 2014. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail berkaitan perolehan kerja/perkhidmatan dan bekalan di MPK dan MDB. Lawatan ke tapak projek, premis perniagaan dan temu bual dengan orang awam serta pegawai MPK dan MDB yang terlibat turut dilaksanakan. *Exit Conference* bersama Yang DiPertua MPK dan MDB telah diadakan pada 6 Januari 2015.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga September 2014 mendapati pengurusan perolehan di MPK dan di MDB adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa ketidakpatuhan dalam prosedur perolehan. Antara kelemahan yang ditemui dalam pengurusan perolehan mengikut kaedah perolehan adalah seperti berikut:

- Perolehan secara tender dan rundingan terus.
 - Bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.
 - Projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.
 - Projek siap tidak dimanfaatkan/digunakan.
 - Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa lewat diluluskan.
 - Dokumen kontrak tidak disediakan dan lewat ditandatangani.
- Perolehan secara sebut harga.
 - Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga tidak dilantik.
- Perolehan secara pembelian terus.
 - Pesanan kerajaan dikeluarkan selepas barangan/perkhidmatan diterima.
 - Pembelian terus ke atas item yang sama melebihi RM50,000 setahun.

2.4.1. Perolehan Secara Tender Dan Rundingan Terus

Peraturan perolehan Kerajaan menetapkan semua perolehan kerajaan yang melebihi RM500,000 mestilah dibuat secara tender dan perolehan secara rundingan terus hanya dibolehkan setelah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri, Pada tahun 2011 hingga September 2014, sebanyak 51 perolehan telah dilaksanakan di MPK dan MDB secara kaedah tender dan rundingan terus. MPK melaksanakan 33 perolehan melalui kaedah tender melibatkan sebanyak 5 projek pembinaan dan 28 perkhidmatan kebersihan. Sebanyak 11 perolehan secara rundingan terus juga melibatkan projek pembinaan telah dilaksanakan di MPK. Manakala MDB melaksanakan sebanyak 6 perolehan secara kaedah tender dan satu rundingan terus melibatkan projek pembinaan. Semakan Audit mendapati proses perolehan secara kaedah tender dan rundingan terus dari peringkat pengiklanan sehingga ke peringkat pemilihan kontraktor yang berjaya adalah mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Bagaimanapun, beberapa kelemahan dalam pengurusan perolehan secara kaedah tender dan rundingan terus adalah seperti berikut:

2.4.1.1. Projek Tidak Dapat Disiapkan Dalam Tempoh Ditetapkan

Pelaksanaan projek kerja hendaklah disiapkan dalam tempoh seperti mana yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Sijil Tidak Siap Kerja hendaklah dikeluarkan jika projek kerja gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan menyiapkan projek tanpa mengikut jadual menyebabkan kemudahan/prasarana tidak dapat digunakan segera dan tidak dapat memenuhi objektif projek. Hasil semakan Audit mendapati hanya 4 daripada 16 projek kerja yang dilaksanakan di MPK dan 4 daripada 7 projek kerja yang dilaksanakan di MDB telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Di antara kelemahan yang dikenalpasti dalam pengurusan perolehan seperti berikut:

- a. Sehingga bulan September 2014, sebanyak 12 daripada 16 projek kerja yang dilaksanakan oleh MPK tidak dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja bagi kesemua projek tersebut adalah antara 70% hingga 96% walaupun telah diluluskan *Extension Of Time* (EOT) antara satu hingga 5 kali. Semakan lanjut Audit mendapati tempoh EOT tersebut yang diluluskan adalah 100% melebihi tempoh asal kontrak. Antara sebab EOT diberi adalah masalah luar jangka di tapak pembinaan, perubahan pelan atau susun atur dan anggaran tempoh siap kontraktor yang dipilih adalah tidak munasabah. **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3** menunjukkan keadaan di tapak pembinaan projek yang belum siap.

Gambar 2.1
Pembangunan Zoo Mini Kemaman



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek Zoo Mini Kemaman
Tarikh: 20 Ogos 2014

Gambar 2.2
Projek Sewerage Treatment Plant



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek STP, Bandar Baru Kijal
Tarikh: 19 Ogos 2014



Gambar 2.3
Projek Pembinaan Kompleks Usahawan MARA

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Projek Kompleks Usahawan,
Bandar Baru Kijal
Tarikh: 19 Ogos 2014

- b. Terdapat satu projek rundingan terus iaitu projek *Sewerage Treatment Plant* (STP) di Bandar Baru Kijal bernilai RM8.67 juta telah tamat tempoh kontrak pada 15 Julai 2012 dan diluluskan EOT sehingga 31 Disember 2012. Tiada EOT diluluskan selepas tarikh tersebut. Bagaimanapun, kerja-kerja masih diteruskan dan denda Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM1,569 sehari telah dikenakan kepada kontraktor berkenaan. Jumlah LAD yang telah dikenakan setakat 23 Ogos 2013 adalah sejumlah RM367,146.
- c. **Mengikut maklum balas MPK bertarikh 6 Januari 2015, kelewatan projek disebabkan masalah luar jangka di tapak pembinaan iaitu keadaan tapak berpaya dan struktur tanah tidak stabil yang memerlukan kajian tapak seperti "soil test" dilaksanakan. Hasil kajian mengambil masa dan perlu membuat cadangan penyelesaian yang boleh menyebabkan penambahan kos dan skop kerja. Selain itu, arahan pengurangan pemotongan pokok berketinggian tiga (3) meter ke atas bagi tujuan pemeliharaan alam sekitar menyebabkan perunding dan pihak Majlis perlu membuat pemilihan pokok terlebih dahulu sebelum kerja-kerja infrastruktur dan tanah dilaksanakan serta perubahan terhadap pelan reka bentuk kerana terdapat perubahan sebagaimana di tapak.**

- d. Semakan Audit di MDB mendapati sebanyak 2 daripada 7 projek kerja yang dilaksanakan tidak dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak. Bagaimanapun, projek tersebut berjaya disiapkan sepenuhnya dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan antara 26 hingga 199 hari. Manakala satu projek masih dalam tempoh kontrak dan di peringkat pembinaan. **Mengikut maklum balas MDB bertarikh 6 Januari 2015, sebanyak 2 projek pembinaan tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh asal berpunca kelewatan pihak TNB membekalkan elektrik, kelewatan penyambungan TNB Substation, kelewatan pembekal menghantar bahan binaan dan salah faham terhadap status surat perakuan PERKESO.**

2.4.1.2. Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Lewat Diluluskan

- a. Mengikut peraturan yang berkuatkuasa, pelanjutan masa hanya diberikan sekiranya punca kelewatan projek adalah di luar kawalan kontraktor serta memenuhi peraturan dan syarat-syarat yang termaktub di dalam kontrak kerja. Permohonan EOT hendaklah diluluskan dalam tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati sebanyak 27 daripada 37 permohonan EOT di MPK dan kesemua 4 permohonan di MDB bagi tempoh tahun 2011 hingga September 2014 telah diberi kelulusan dalam tempoh yang sewajarnya. Bagaimanapun, EOT bagi 3 projek kerja yang dilaksanakan secara tender di MPK telah diluluskan selepas tempoh kontrak berakhir melibatkan tempoh kelewatan selama 52 hingga 326 hari.
- b. **Mengikut maklum balas MPK bertarikh 6 Januari 2015, kelewatan meluluskan lanjutan masa disebabkan faktor berikut:**
 - i. **Kelewatan kontraktor mengemukakan permohonan EOT walaupun telah diberi peringatan secara lisan.**
 - ii. **Penyediaan dokumen oleh kontraktor tidak lengkap dan perlu dibuat pindaan dan kegagalan pihak perunding dalam memantau atau mengawasi status perakuan sesuatu EOT.**
 - iii. **EOT perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri dan ia mengambil masa yang lama untuk diluluskan.**

2.4.1.3. Dokumen Kontrak Tidak Disediakan Dan Lewat Ditandatangani

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Perenggan 47.1 menyatakan dokumen kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Hasil semakan Audit mendapati:

- i. Sebanyak 44 dokumen kontrak di MPK telah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan manakala 4 dokumen kontrak kerja secara tender lewat ditandatangani iaitu antara 135 hingga 194 hari selepas tarikh akhir kontrak patut ditandatangani.
 - ii. Di MDB, sebanyak 2 daripada 7 dokumen kontrak telah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, dokumen kontrak bagi 5 projek kerja yang dilaksanakan melalui kaedah tender belum disediakan walaupun telah melebihi tempoh 4 bulan.
- b. **Mengikut maklum balas MDB bertarikh 6 Januari 2015, dokumen kontrak masih belum disediakan oleh pihak Majlis sehingga ke tarikh sepatutnya kerana kegagalan pihak kontraktor mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan seperti maklumat teknikal syarikat, sijil CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang telah tamat tempoh dan perkara-perkara berkaitan kontrak kerja. Ada kontrak yang perlu dibuat pelarasan semula harga butiran kerja tanpa melibatkan kos asal projek. Manakala maklum balas MPK bertarikh 6 Januari 2015, perjanjian kontrak lewat ditandatangani disebabkan rundingan antara pihak Majlis, Perunding dan Kontraktor berkaitan Pengurangan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) daripada 12 kepada 6 bulan.**

2.4.1.4. Bayaran Dibuat Bagi Kerja Yang Tidak Dilaksanakan

- a. Mengikut Perjanjian Harga Kontrak bagi Projek Membina Pentas Terbuka Di Pulau Perhentian, kontraktor hendaklah membina dan menyiapkan lantai konkrit padat dan kaki lima dengan kemasan jubin seramik (*Heavy Duty*) dengan kos sejumlah RM12,000 dan membina dan menyiapkan longkang *Glazed* bersaiz 9"-0" di sekeliling bangunan pentas termasuk memasang penutup longkang dengan kos sejumlah RM4,500. Lawatan Audit pada 8 September 2014 mendapati kedua-dua kerja tersebut tidak dilakukan tetapi bayaran telah dibuat melalui surat tuntutan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 12 Disember 2012. Pentas yang tidak dibina kaki lima dan longkang adalah seperti di **Gambar 2.4. Mengikut maklum balas MDB bertarikh 6 Januari 2015, sewaktu projek dijalankan kehendak setempat lebih memerlukan saluran paip air. Disebabkan itu kos bagi kerja longkang dan kaki lima telah digantikan dengan kos bagi kerja saluran paip tersebut. Selepas teguran Audit, pihak MDB telah meminta pihak kontraktor membuat semula longkang dan kaki lima tanpa sebarang kos tambahan seperti di Gambar 2.5.**

Gambar 2.4
Kaki Lima Dan Longkang Tidak Dibina

Sebelum



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pentas Terbuka, Pulau Perhentian
Tarikh: 8 September 2014

Gambar 2.5
Kaki Lima Dan Longkang Telah Dibina

Selepas



Sumber: Majlis Daerah Besut
Lokasi: Pentas Terbuka, Pulau Perhentian

- b. Mengikut Perjanjian Harga Kontrak bagi Projek Menaiktaraf Jeti Kampung Di Pulau Perhentian, kontraktor hendaklah membekal dan memasang 13 unit lampu *Light-Emitting Diode* (LED) Kuasa Solar dengan kos RM10,000 seunit di laluan pejalan kaki berbumbung. Lawatan Audit pada 8 September 2014 mendapati kerja-kerja tersebut tidak dilakukan tetapi bayaran sejumlah RM130,000 telah dibuat melalui surat tuntutan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 12 Disember 2013. Laluan pejalan kaki yang tidak dipasang lampu LED seperti di **Gambar 2.6**. Semakan Audit mendapati bayaran tersebut dibuat berdasarkan pengesahan yang dibuat oleh Penolong Jurutera yang memperakukan bahawa semua kerja pembinaan telah disiapkan dengan sempurna. Selain itu, pihak MDB turut memaklumkan bahawa kerja-kerja tersebut telah digantikan dengan kerja lain atau dilaksanakan di lokasi lain berdasarkan kehendak/keperluan penduduk setempat. Bagaimanapun, kos bagi kerja-kerja penggantian yang telah dilaksanakan tidak dapat disahkan sama ada sepadan dengan bayaran yang telah dibuat. Sebarang kelulusan terhadap kerja-kerja penggantian berkenaan tidak disediakan. **Mengikut maklum balas MDB bertarikh 6 Januari 2015, selepas teguran Audit sebanyak 3 unit lampu LED telah dipasang di jeti tersebut seperti di Gambar 2.7. Manakala 10 unit lagi akan dipasang di lokasi lain berdasarkan kehendak/keperluan penduduk setempat.**

Gambar 2.6
Lampu LED Tidak Dipasangkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Kampung, Pulau Perhentian
Tarikh: 8 September 2014

Gambar 2.7
Lampu LED Telah Dipasangkan



Sumber: Majlis Daerah Besut
Lokasi: Jeti Kampung, Pulau Perhentian

2.4.1.5. Kualiti Dan Kemasan Kerja Tidak Memuaskan

- a. Hasil lawatan Audit pada 8 September 2014 mendapati kualiti dan kemasan kerja terhadap kerja-kerja membina pagar laluan pejalan kaki di Jeti Kampung, Pulau Perhentian tidak memuaskan seperti di **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9**.

Gambar 2.8
Kerja-kerja Pembinaan Pagar Laluan Pejalan Kaki Di Jeti Kampung Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Kampung, Pulau Perhentian
Tarikh: 8 September 2014

Gambar 2.9




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti Kampung, Pulau Perhentian
Tarikh: 8 September 2014

- b. **Mengikut maklum balas MDB bertarikh 6 Januari 2015, perkara ini berlaku disebabkan pagar dibuat di tanah besar tetapi berlaku kesilapan mengukur sewaktu di pulau. Selepas teguran Audit, pihak Majlis telah membuat pembaikan terhadap kerja berkenaan seperti di Gambar 2.10 dan Gambar 2.11.**


Gambar 2.10

Pagar Laluan Pejalan Kaki Yang Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Daerah Besut
Lokasi: Jeti Kampung, Pulau Perhentian

Gambar 2.11



Sumber: Majlis Daerah Besut
Lokasi: Jeti Kampung, Pulau Perhentian

2.4.1.6. Item *Preliminaries* Gagal Dikenalpasti

Mengikut kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan dan membekalkan item *preliminaries* untuk kegunaan Pegawai Penguasa. Didapati item *preliminaries* berjumlah RM136,350 seperti komputer, telefon pintar, kamera digital, mesin pencetak dan lain-lain hendaklah dibekalkan bagi 4 projek yang dilaksanakan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti sama ada item berkenaan telah dibuat penyerahan kepada MDB disebabkan penyerahan dikatakan dibuat tanpa disokong dengan sebarang dokumen sokongan dan aset-aset berkaitan tidak dibuat pendaftaran. Perkara sebegini berlaku kerana dokumen penyerahan dan daftar yang merekodkan item *preliminaries* untuk membuktikan serahan telah dibuat oleh kontraktor kepada MDB tidak disediakan. **Mengikut maklum balas MDB bertarikh 6 Januari 2015, Majlis telah mengenal pasti item *preliminaries* tersebut dan telah didaftarkan. Berhubung Telefon Pintar Samsung S5 ia telah ditukarkan kepada tablet dan pertukaran item tersebut ada disebut dalam minit mesyuarat MDB.**

2.4.1.7. Bangunan Pasar Binjai, Kemaman Tidak Dibuka Untuk Sewaan

- a. Bangunan Pasar Binjai telah siap dibina pada tahun 2008 dengan kos RM19.19 juta. Pembinaannya bertujuan menggantikan pasar tradisional yang tidak teratur dan memberikan ruang perniagaan yang lebih selesa serta bersih kepada para peniaga. Pada tahun 2010, bangunan pasar ini telah dibaik pulih dengan kos sejumlah RM301,500 melibatkan kerja-kerja pembaikan bumbung bocor, pembaikan jubin pecah, pembaikan saluran air, kerja-kerja *water proofing* dan lain-lain kerja berkaitan. Pada tahun 2013, MPK melaksanakan kerja-kerja baik pulih kecacatan atau kerosakan bangunan melibatkan kos sejumlah RM5.85 juta dengan jaminan daripada kontraktor yang dilantik bahawa bangunan pasar dapat beroperasi sepenuhnya dan kerosakan yang sama tidak akan berulang. Pada bulan September 2013, kerja-kerja baik pulih telah diperakui siap oleh pihak perunding yang mewakili Pegawai Penguasa. Bagaimanapun, MPK selaku Pegawai Penguasa tidak memperakui kerja-

kerja baik pulih berkenaan kerana masih terdapat kerja-kerja pembaikan yang belum disempurnakan oleh kontraktor mengikut spesifikasi asal.

- b. Lawatan Audit pada bulan September 2014 mendapati bangunan Pasar Binjai masih belum digunakan. Peniaga yang sebelum ini berniaga di bangunan pasar telah ditempatkan di kawasan sementara bersebelahan bangunan pasar tersebut. Bagaimanapun, aktiviti perniagaan yang dijalankan di pasar sementara didapati dalam suasana yang tidak selesa kerana berada dalam ruangan yang sempit dan sesak. Keadaan bangunan Pasar Binjai dan pasar sementara adalah seperti di **Gambar 2.12** hingga **Gambar 2.15**.

Gambar 2.12
Pandangan Hadapan Pasar Binjai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Pasar Binjai
Tarikh: 20 Ogos 2014

Gambar 2.13
Bahagian Dalam Di Pasar Basah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Pasar Binjai
Tarikh: 20 Ogos 2014

Gambar 2.14
Keadaan Pasar Sementara Yang Sempit Dan Sesak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pasar Sementara
Tarikh: 9 November 2014

Gambar 2.15



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pasar Sementara
Tarikh: 9 November 2014

- c. **Mengikut maklum balas MPK bertarikh 6 Januari 2015, temu duga bagi pemilihan penyewa telah diadakan pada 5 dan 6 Februari 2014. Majlis hanya menunggu pengesahan teknikal daripada Jabatan Kejuruteraan, MPK dan penyerahan oleh pihak kontraktor kepada Majlis untuk diserahkan kepada penyewa yang berjaya.**

2.4.1.8. Kompleks Tekstil, Bandar Baru Kijal, Kemaman Masih Belum Digunakan

- a. Kompleks Tekstil Bandar Baru Kijal siap dibina pada 14 Oktober 2011 dengan kos berjumlah RM43.78 juta dengan tujuan untuk dijadikan sebagai Pusat Tekstil di Kawasan Pantai Timur. Lawatan Audit pada 19 Ogos 2014 mendapati bangunan ini masih belum digunakan. Pihak Audit dimaklumkan faktor kekurangan penduduk dan infrastruktur menyebabkan tiada sambutan daripada penyewa tempatan. Selain itu, usaha menarik pelabur-pelabur asing terutamanya daripada Negara China turut dilakukan oleh pihak MPK dan Kerajaan Negeri tetapi tiada pelabur yang berminat untuk melabur dalam projek ini.
- b. Kompleks Tekstil yang tidak digunakan/dimanfaatkan untuk sewaan mengakibatkan kerajaan terpaksa menanggung kos kawalan keselamatan sejumlah RM146,077 bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Ogos 2014. Keadaan Kompleks Tekstil yang masih tidak digunakan adalah seperti di **Gambar 2.16** dan **Gambar 2.17**.

Gambar 2.16
Pandangan Bahagian Hadapan Kompleks



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Tekstil, Kemaman
Tarikh: 19 Ogos 2014

Gambar 2.17
Bahagian Dalam Kompleks



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Tekstil, Kemaman
Tarikh: 19 Ogos 2014

- c. **Mengikut maklum balas MPK bertarikh 6 Januari 2015, Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Kemaman yang diadakan pada 18 Disember 2014 telah meluluskan pajakan selama 10 tahun dengan kadar sewa sejumlah RM200,000 sebulan dengan kenaikan sebanyak 10% setiap 3 tahun kepada Ranaco Marine Sdn. Bhd. mulai 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2025 untuk menjalankan program pengajian vokasional iaitu Kolej Vokasional Ranaco.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya perolehan secara tender dan rundingan terus di MPK adalah baik dan memuaskan di MDB. Bagaimanapun, pihak Majlis perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti menyiapkan projek dalam tempoh kontrak, EOT diberi kelulusan sewajarnya dan dokumen kontrak ditandatangani dengan segera bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

2.4.2. Perolehan Secara Sebut Harga

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menyatakan perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Bagi tempoh tahun 2011 hingga September 2014, sebanyak 415 perolehan telah dilaksanakan yang melibatkan sebanyak 229 perolehan berjumlah RM29.88 juta di MPK dan 186 perolehan berjumlah RM24.02 juta di MDB. Sebut Harga yang dilaksanakan melibatkan perolehan kerja dan bekalan. Hasil semakan Audit mendapati kelemahan dalam pengurusan perolehan secara kaedah sebut harga adalah seperti berikut:

2.4.2.1. Jawatankuasa Pembuka Dan Penilaian Sebut Harga

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, tawaran tender dan sebut harga hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Bahagian secara bertulis. Jawatankuasa tersebut hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 2 pegawai yang mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Semua sebut harga yang diterima hendaklah dikaji dan dinilai sebelum syor dibuat kepada Jawatankuasa Sebut Harga. Pelantikan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Penilaian Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan sebut harga. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan tentang perolehan tersebut.
- b. Semakan Audit di MDB mendapati 3 pegawai bertindak sebagai ahli Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan 4 pegawai sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/Tender manakala 7 pegawai di MPK telah bertindak sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/Tender dengan membuka dan memperakukan Laporan Penilaian Sebut Harga/Tender. Bagaimanapun, pegawai di MDB dan MPK tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
- c. **Mengikut maklum balas MPK dan MDB bertarikh 6 Januari 2015, pihak Majlis telah mengambil tindakan dengan melantik secara bertulis Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga dan akan sentiasa dikemas kini mengikut peraturan yang telah ditetapkan.**

2.4.2.2. Perolehan Tidak Digunakan/Dimanfaatkan

- a. Pembinaan 6 unit rumah sampah dan satu unit rumah kitar semula di Pulau Perhentian siap dilaksanakan pada bulan Februari dan Mei 2014 dengan kos sejumlah RM321,400. Tujuan pembinaannya adalah untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal semasa musim tengkujuh dan mengurangkan kekerapan pungutan sampah dari Pulau Perhentian. Lawatan Audit ke Pulau Perhentian pada 8 September 2014 mendapati pembinaan kesemua rumah sampah dan rumah kitar

semula tersebut adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan namun tidak dimanfaatkan/digunakan oleh penduduk setempat. Perkara ini berlaku kerana kesedaran penduduk setempat terhadap kemudahan yang disediakan adalah rendah dan mereka masih mengamalkan kaedah melakukan pembakaran terbuka. Keadaan rumah sampah yang tidak digunakan seperti di **Gambar 2.18** dan **Gambar 2.19**.

Gambar 2.18

Rumah Sampah Yang Tidak Dimanfaatkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Perhentian
Tarikh: 8 September 2014

Gambar 2.19

Rumah Sampah Yang Tidak Dimanfaatkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Perhentian
Tarikh: 8 September 2014

- b. **Mengikut maklum balas MDB bertarih 6 Januari 2015, rumah sampah tersebut akan diubahsuai untuk dijadikan bagi tujuan lain yang lebih bermanfaat kepada penduduk seperti rumah rehat/tempat rehat dan sebagainya. Bagaimanapun, perkara ini masih dalam perbincangan dan masih belum mendapat keputusan akhir.**

2.4.2.3. Polisi Insurans Tidak Meliputi Tempoh Kontrak

Syarat-syarat Surat Pemberitahuan Penerimaan Sebut Harga menetapkan supaya kontraktor menyediakan dan mengemukakan polisi insurans *Contractor All Risk* dengan nilai polisi bersamaan dengan harga kontrak dan tempoh polisi insurans hendaklah meliputi tempoh kontrak serta tempoh tanggungan kecacatan. Berdasarkan semakan Audit, didapati tempoh polisi insurans bagi 4 projek di MPK dan 27 projek di MDB tidak meliputi tempoh tanggungan kecacatan projek antara 16 hingga 380 hari. Perkara ini berlaku disebabkan Majlis kurang memberi perhatian terhadap keperluan melindungi kepentingan aset Kerajaan yang boleh menyebabkan Kerajaan tidak dapat menuntut ganti rugi sekiranya berlaku kerosakan dalam tempoh yang ditetapkan. **Mengikut maklum balas MPK dan MDB bertarih 6 Januari 2015, pihak Majlis akur dengan teguran/pemerhatian Audit. Kebiasaannya, setiap projek pembangunan yang dibuat dan insurans yang diambil akan meliputi keseluruhan tempoh kontrak termasuk tempoh tanggungan kecacatan.**

Pada pendapat Audit, secara umumnya perolehan secara sebut harga adalah mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Bagaimanapun, terdapat beberapa peraturan tidak dipatuhi seperti pelantikan Jawatankuasa Sebut Harga dan polisi insurans tidak meliputi kontrak. Selain itu, terdapat pembaziran sumber kerana kemudahan prasarana yang siap tidak dimanfaatkan.

2.4.3. Perolehan Secara Pembelian Terus

Had nilai pembelian terus adalah sehingga RM50,000 bagi setiap jenis item bekalan atau perkhidmatan. Pembelian terus boleh dibuat daripada mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Semakan Audit terhadap perolehan secara pembelian terus yang melibatkan kerja-kerja lantikan terus dan pesanan kerajaan mendapati kelemahan seperti berikut:

2.4.3.1. Pesanan Kerajaan Dikeluarkan Selepas Barangan/Perkhidmatan Diterima

Arahan Perbendaharaan 176.1(b) menetapkan pesanan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. Semakan Audit mendapati 15 daripada 60 pesanan kerajaan yang disemak di MDB dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima manakala semua pesanan kerajaan yang disemak di MPK diuruskan mengikut peraturan. **Mengikut maklum balas MDB bertarikh 6 Januari 2015, pihak Majlis mengakui pada tahun-tahun sebelumnya sememangnya berlaku pesanan kerajaan dikeluarkan selepas perolehan dibuat. Hal ini berlaku kerana berdasarkan amalan-amalan Majlis dahulu kebanyakan pekeliling kewangan tidak diterima pakai. Bagaimanapun mulai tahun 2012, Majlis telah menerima pakai pekeliling kewangan tersebut dan cuba meminimumkan kesilapan tersebut.**

2.4.3.2. Pembelian Terus Ke Atas Item Yang Sama Melebihi RM50,000 Setahun

Selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan, perolehan secara pembelian terus hendaklah tidak melebihi RM50,000 setahun dan tidak tertumpu kepada pembekal yang sama/tertentu dan semua pembekal hendaklah diberi peluang yang sama. Semakan Audit mendapati MPK telah membuat perolehan bekalan secara pembelian terus item yang sama melebihi RM50,000 daripada satu pembekal pada tahun 2011 iaitu bernilai RM65,976 dan RM81,823. Semakan Audit yang dibuat di MDB pula mendapati tidak berlaku pembelian terus item sama melebihi RM50,000 setahun. **Mengikut maklum balas MPK bertarikh 6 Januari 2015, pihak Majlis akan mengeluarkan sebut harga untuk tempoh setahun bagi maksud pembekalan toner kepada MPK dengan membuat semakan melalui sistem perakaunan yang telah diwujudkan dan memastikan kawalan/pemantauan dibuat secara berkala bagi setiap pembelian tidak melebihi RM50,000 setahun daripada satu pembekal.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya perolehan secara pembelian terus adalah memuaskan di mana peraturan berkaitan pembelian terus telah dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa peraturan yang tidak dipatuhi berkaitan had nilai perolehan dan pemilihan pembekal selaras dengan prinsip perolehan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Besut mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Membuat pemantauan yang lebih rapi terhadap perolehan terutamanya kontrak pembinaan bagi mengelak kelewatan menyiapkan projek justeru menjejaskan imej Majlis. Majlis perlu memastikan pengurusan perolehan yang melibatkan lanjutan masa dan pendaftaran aset diurus dengan teliti. Kontrak hendaklah disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.

2.5.2. Mengambil tindakan tatatertib atau surcaj yang sepatutnya terhadap mereka yang terlibat dalam pembayaran tidak teratur mengenai kerja yang tidak dilaksanakan supaya menjadi pengajaran kepada orang lain.

2.5.3. Memastikan Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga dilantik secara bertulis dan tempoh kerja dilindungi oleh polisi insurans.

3. PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Sijil Pengesahan Halal Malaysia (Sijil Halal) merupakan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan status halal sesuatu makanan, minuman, premis, barangan, aktiviti atau perkhidmatan. Pengurusan pensijilan halal bertujuan memberi pengiktirafan dan jaminan kepada pengguna terutama masyarakat Islam bahawa produk makanan dan minuman, produk/bahan gunaan, premis makanan serta rumah sembelihan adalah halal, bersih dan selamat. Pengeluaran Sijil Halal ini adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia Tahun 2011 (Semakan Kedua) (MPPH) yang dikeluarkan oleh JAKIM. Bagaimanapun, penggunaan Sijil Halal adalah tidak mandatori tetapi apabila disalah guna dengan mempamerkan sijil/logo halal palsu, pengusaha boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

3.1.2. Proses pensijilan halal bagi Negeri Terengganu diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Halal (Jabatan Halal), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Jabatan ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Bahagian Permohonan Dan Pensijilan, Bahagian Kajian Dan Penilaian, Bahagian Pemantauan Dan Penguatkuasaan dan Unit Pentadbiran Am. Mulai 1 Mac 2012, kaedah pengurusan pensijilan halal telah dilaksanakan melalui sistem e-Halal. Permohonan pensijilan halal yang telah selesai diproses dan melepasi peringkat pengauditan akan dibawa kepada Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal Negeri untuk kelulusan. Seterusnya, ia akan dikemukakan kepada JAKIM untuk urusan pengeluaran Sijil Halal.

3.1.3. Berdasarkan rekod Jabatan Halal melalui sistem e-Halal, bilangan pemegang Sijil Halal di Negeri Terengganu bagi tahun 2012 hingga bulan September 2014 mengikut 3 kategori pensijilan adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Pemegang Sijil Halal Mengikut Kategori Pensijilan
Bagi Tahun 2012 Hingga Bulan September 2014

Tahun	Kategori/Bilangan Pensijilan			Jumlah
	Produk Pengilangan	Premis Makanan	Rumah Sembelihan	
2012	30	15	1	46
2013	26	8	2	36
2014	9	5	0	14
Jumlah	65	28	3	96

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

3.1.4. Selain peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri, Jabatan Halal turut menerima peruntukan daripada MAIDAM bagi tujuan mengadakan kursus atau latihan, perbelanjaan pengurusan halal dan seminar. Peruntukan yang diperoleh oleh Jabatan Halal daripada Kerajaan Negeri dan MAIDAM serta perbelanjaan yang telah dilakukan untuk tujuan pengurusan pensijilan halal bagi tahun 2012 hingga bulan September 2014 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Pengurusan Pensijilan Halal
Bagi Tahun 2012 Hingga Bulan September 2014

Tahun	Kerajaan Negeri		MAIDAM	
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2012	767,868	767,365	-	-
2013	916,548	910,894	-	-
2014	992,549	513,827	300,000	66,215
Jumlah	2,676,965	2,192,086	300,000	66,215

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal Dan MAIDAM

3.1.5. Kutipan hasil pengurusan pensijilan halal bagi tahun 2012 hingga bulan September 2014 masing-masing berjumlah RM21,000, RM21,100 dan RM27,000.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan pensijilan halal telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan telah dijalankan dengan sempurna.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pensijilan halal bagi tahun 2012 hingga bulan September 2014. Pengauditan dilaksanakan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan pensijilan halal dengan memberi tumpuan kepada proses permohonan pensijilan halal, pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Halal. Semakan Audit dijalankan terhadap dokumen dan rekod berkaitan di Jabatan Halal dan MAIDAM. Selain itu, perbincangan dan temu bual turut diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mendapatkan penjelasan berhubung aktiviti pengurusan pensijilan halal. Lawatan Audit ke premis pemegang Sijil Halal dan premis yang memohon untuk mendapatkan Sijil Halal turut diadakan bagi mendapatkan gambaran berkenaan pelaksanaan dan pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Halal. *Exit Conference* bersama Pengarah Jabatan Pengurusan Halal (Jabatan Halal), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah diadakan pada 8 Januari 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2014 terhadap 196 permohonan yang diproses oleh Jabatan Halal mendapati pada umumnya pengurusan pensijilan Halal yang dilaksanakan oleh Jabatan Halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, ia perlu dipertingkatkan lagi kerana terdapat beberapa isu seperti di bawah:

- Tempoh pemprosesan pensijilan halal mengambil masa yang panjang.
- Pemantauan terhadap pemegang Sijil Halal kurang memuaskan. Surat peringatan tidak dikeluarkan kepada pemegang Sijil Halal yang akan tamat tempoh Sijil Halal.
- Tahap kesedaran pengusaha premis dan produk terhadap Sijil Halal masih rendah.

3.4.1. Prestasi Pemprosesan Pensijilan Halal

3.4.1.1. Berdasarkan rekod Jabatan Halal melalui sistem e-Halal, sebanyak 196 permohonan Sijil Halal telah diterima pada tahun 2012 hingga bulan September 2014. Bilangan permohonan menunjukkan penurunan pada tahun 2013 sebanyak 21 permohonan berbanding 75 permohonan pada tahun 2012 tetapi berlaku peningkatan sebanyak 13 permohonan pada tahun 2014 (setakat bulan September 2014). Daripada 196 permohonan, 135 permohonan adalah lengkap untuk diproses manakala baki 61 permohonan telah ditolak kerana permohonan tidak lengkap serta tidak mematuhi syarat pensijilan halal. Kedudukan permohonan dan pengeluaran Sijil Halal bagi tahun 2012 hingga bulan September 2014 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Kedudukan Permohonan Dan Pengeluaran Sijil Halal
Bagi Tahun 2012 Hingga Bulan September 2014

Tahun	Bil. Permohonan	Pengeluaran Sijil Halal		Permohonan Belum Diluluskan		Permohonan Yang Ditolak	
		(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)
2012	75	46	61.3	2	2.7	27	36.0
2013	54	36	66.7	1	1.8	17	31.5
2014	67	14	20.9	36	53.7	17	25.4
Jumlah	196	96	49.0	39	19.9	61	31.1

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

3.4.1.2. Analisis Audit terhadap jumlah permohonan yang diterima mendapati sebanyak 96 atau 49% permohonan telah mendapat Sijil Halal, 39 atau 19.9% permohonan belum diluluskan kerana masih dalam proses semakan dan pemeriksaan manakala 61 atau 31.1% telah ditolak. Pihak Audit telah menjalankan semakan terperinci terhadap 110 sampel permohonan yang telah dibentangkan di Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri pada tahun 2012 hingga bulan September 2014.

3.4.1.3. Tempoh Pemprosesan Mengambil Masa Yang Panjang

- a. Mengikut MPPH, permohonan Pensijilan Halal perlu dikemukakan melalui sistem yang disediakan oleh pihak JAKIM iaitu sistem e-Halal. Pemohon perlu mengisi borang secara atas talian dan seterusnya mengemukakan salinan dokumen sokongan ke Jabatan Halal untuk tujuan semakan awal. Pemohon yang berjaya di peringkat awal dikehendaki membuat bayaran fi sebelum prosedur pengauditan premis dilaksanakan. Seterusnya, permohonan akan diangkat untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri setelah pengauditan selesai dijalankan.
- b. Hasil semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan September 2014, sebanyak 93 permohonan Sijil Halal telah selesai diproses hingga ke peringkat Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri. Manakala sebanyak 17 permohonan Sijil Halal tidak dapat dibuat pengesahan tempoh pemprosesan kerana permohonan tidak lengkap dengan maklumat dan butiran yang diperlukan. Daripada 93 permohonan yang telah selesai diproses, sebanyak 18 (19.4%) permohonan telah selesai diproses dalam masa 1 hingga 90 hari hingga ke peringkat Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri. Manakala sebanyak 75 (80.6%) permohonan telah mengambil masa melebihi 91 hari untuk diselesaikan. Prestasi tempoh pemprosesan permohonan Sijil Halal adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Prestasi Tempoh Pemprosesan Permohonan Sijil Halal
Bagi Tahun 2012 Hingga Bulan September 2014

Tahun	Bil. Permohonan Yang Diproses	Tempoh Pemprosesan (Hari)			
		1 - 30 (Bil.)	31 - 60 (Bil.)	61 - 90 (Bil.)	Melebihi 91 (Bil.)
2012	37	1	5	4	27
2013	42	1	0	3	38
2014	14	1	1	2	10
Jumlah	93	3	6	9	75

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

- c. Analisis Audit mendapati antara punca tempoh pemprosesan permohonan yang panjang adalah disebabkan oleh proses peringkat semakan dokumen iaitu sebanyak 28 permohonan yang mengambil masa melebihi 91 hari untuk diselesaikan. Selain itu, faktor kelewatan pembentangan di Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri juga menyumbang kepada tempoh pemprosesan permohonan yang panjang. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Analisis Tempoh Pemprosesan Pensijilan Halal Mengikut Peringkat
Bagi Tahun 2012 Hingga Bulan September 2014

Peringkat Pemprosesan	Tempoh Pemprosesan (Hari)			
	1 - 30 (Bil.)	31 - 60 (Bil.)	61 - 90 (Bil.)	Melebihi 91 (Bil.)
Semakan Dokumen	27	21	17	28
Penerimaan Fi	81	11	0	1
Pemeriksaan Premis	71	15	6	1
Mesyuarat Panel	42	37	5	9

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

- d. Perenggan seterusnya menerangkan prestasi pemprosesan di setiap peringkat proses yang terlibat.

i. Peringkat Semakan Dokumen

- Hasil analisis Audit mendapati sebanyak 27 (29.0%) permohonan telah berjaya disemak dalam tempoh 30 hari iaitu 12 permohonan bagi tahun 2012, 8 permohonan bagi tahun 2013 dan 7 permohonan bagi tahun 2014. Hal ini menunjukkan berlaku penurunan bilangan permohonan yang berjaya disemak dalam tempoh 30 hari bagi tempoh 3 tahun tersebut.
- Manakala sebanyak 28 (30.1%) permohonan telah mengambil masa melebihi 91 hari untuk disemak iaitu 12 permohonan pada tahun 2012, 15 permohonan pada tahun 2013 dan satu permohonan pada tahun 2014. Bilangan permohonan ini menunjukkan peningkatan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Bagaimanapun, bilangan permohonan yang selesai disemak melebihi 91 hari berjaya dikurangkan kepada satu permohonan pada tahun 2014. Butiran terperinci bagi tempoh semakan dokumen adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tempoh Semakan Dokumen Sokongan

Tahun	Tempoh Semakan Dokumen Sokongan (Hari)				Jumlah Permohonan
	1 - 30 (Bil.)	31 - 60 (Bil.)	61 - 90 (Bil.)	Melebihi 91 (Bil.)	
2012	12	6	7	12	37
2013	8	12	7	15	42
2014	7	3	3	1	14
Jumlah	27	21	17	28	93

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

- Pihak Audit mendapati antara faktor yang menyumbang kepada tempoh semakan dokumen sokongan yang panjang adalah berikutan kelonggaran masa yang diberikan oleh Jabatan Halal kepada pemohon bagi mengemukakan dokumen berkaitan. Selain itu, terdapat juga permohonan

yang memerlukan masa yang lama bagi mendapat pengesahan status halal terutama bagi bahan ramuan kritikal.

ii. Peringkat Bayaran Fi

Pembayaran fi perlu dijelaskan oleh pemohon sebelum pemeriksaan premis dilaksanakan. Hasil analisis Audit terhadap 93 permohonan yang telah dibentangkan di Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri mendapati sebanyak 81 (87.1%) permohonan yang telah dijelaskan bayaran fi dalam tempoh 30 hari iaitu 33 permohonan bagi tahun 2012, 35 permohonan bagi tahun 2013 dan 13 permohonan bagi tahun 2014. Manakala 11 (11.8%) permohonan pula telah mengambil masa antara 31 hingga 60 hari untuk dibuat bayaran fi tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Tempoh Bayaran Fi Oleh Pemohon

Tahun	Tempoh Bayaran Fi Oleh Pemohon (Hari)				Jumlah Permohonan
	1 - 30 (Bil.)	31 - 60 (Bil.)	61 - 90 (Bil.)	Melebihi 91 (Bil.)	
2012	33	4	0	0	37
2013	35	6	0	1	42
2014	13	1	0	0	14
Jumlah	81	11	0	1	93

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

iii. Peringkat Pemeriksaan Premis

- Pemeriksaan terhadap premis pemohon akan dijalankan setelah bayaran fi dijelaskan oleh pemohon. Skop pemeriksaan adalah meliputi aspek dokumentasi, pemprosesan dan pengendalian produk, peralatan, penyimpanan, pekerja, kebersihan serta pengurusan sisa buangan. Hasil analisis Audit mengenai tempoh pelaksanaan pemeriksaan premis selepas bayaran fi diterima adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Tempoh Pelaksanaan Pemeriksaan Premis Setelah Bayaran Fi Diterima

Tahun	Tempoh Pelaksanaan Pemeriksaan Premis (Hari)				Jumlah Permohonan
	1 - 30 (Bil.)	31 - 60 (Bil.)	61 - 90 (Bil.)	Melebihi 91 (Bil.)	
2012	31	4	1	1	37
2013	26	11	5	0	42
2014	14	0	0	0	14
Jumlah	71	15	6	1	93

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

- Berdasarkan **Jadual 3.8** di atas, sebanyak 71 (76.3%) permohonan telah berjaya diperiksa dalam tempoh 30 hari iaitu 31 permohonan bagi tahun 2012, 26 permohonan bagi tahun 2013 dan 14 permohonan bagi tahun 2014. Hal ini menunjukkan penurunan bilangan permohonan yang berjaya diperiksa dalam tempoh 30 hari bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012. Bagaimanapun, bilangan permohonan yang diperiksa dalam tempoh melebihi 91 hari telah berjaya diatasi dari tahun 2013 hingga tahun 2014.

iv. Peringkat Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri

- Pihak Audit telah menyemak dan menganalisis tempoh masa yang diambil untuk membentangkan hasil laporan pemeriksaan premis ke Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri. Hasil analisis tersebut adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Tempoh Pembentangan Permohonan Ke
Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri

Tahun	Tempoh Masa Pembentangan Permohonan (Hari)				Jumlah Permohonan
	1 - 30 (Bil.)	31 - 60 (Bil.)	61 - 90 (Bil.)	Melebihi 91 (Bil.)	
2012	23	10	1	3	37
2013	10	23	4	5	42
2014	9	4	0	1	14
Jumlah	42	37	5	9	93

Sumber: Rekod Jabatan Pengurusan Halal

- Berdasarkan **Jadual 3.9** di atas, sebanyak 42 (45.2%) permohonan telah berjaya dibentangkan ke Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri dalam tempoh 30 hari iaitu 23 permohonan pada tahun 2012, 10 permohonan pada tahun 2013 dan 9 permohonan pada tahun 2014. Bilangan ini menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Manakala sebanyak 9 (9.7%) permohonan telah mengambil masa melebihi 91 hari untuk dibentangkan ke mesyuarat tersebut.
- Faktor kekerapan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri diadakan turut mempengaruhi tempoh pemprosesan permohonan ini. Bagi tempoh 2012 hingga bulan September 2014, Jawatankuasa Panel Pengesahan Halal Negeri Terengganu telah bermesyuarat sebanyak 16 kali iaitu 5 kali pada tahun 2012, 5 kali pada tahun 2013 dan 6 kali pada tahun 2014 (sehingga bulan September). Sebanyak 132 permohonan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut dengan 117 permohonan telah diluluskan, 7 permohonan ditolak dan 8 permohonan perlu disemak semula.

- Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri Bilangan 4 Tahun 2014 bertarikh 13 Julai 2014 mendapati mesyuarat memutuskan untuk mengadakan mesyuarat panel sekali pada setiap bulan.
- e. **Berdasarkan maklum balas MAIDAM bertarikh 8 Januari 2015:**
- i. **Jabatan Halal telah beroperasi secara interim sebagai Unit Halal di bawah Bahagian Penyelidikan MAIDAM dalam tempoh Oktober 2012 hingga Oktober 2013. Dalam tempoh ini berlaku pelbagai kekangan terhadap kelancaran proses kerja dan pentadbiran. Kemudian, pada bulan Oktober 2013 Jabatan Halal telah diwujudkan secara interim di mana kakitangan dan peruntukan mengurus diperolehi daripada Bahagian Penyelidikan MAIDAM. Bagi melicinkan proses pensijilan halal, Jabatan Halal telah mewujudkan *Standard Operating Procedure* iaitu Prosedur Pensijilan Halal Negeri Terengganu yang akan diguna pakai sebagai Piagam Pelanggan.**
 - ii. **Tenaga kerja bagi Bahagian Permohonan dan Pensijilan sebelum ini hanya dilaksanakan oleh seorang kakitangan sahaja. Pada bulan September 2014, Jabatan Halal telah menambah seorang lagi kakitangan di Bahagian Permohonan Dan Pensijilan serta menambah tenaga kerja di bawah skim Pelatih Siswazah Al-Irsyad. Notis peringatan juga dikeluarkan kepada pemohon supaya pembetulan secara *online* dan dokumen sokongan dilengkapkan dalam tempoh 14 hari. Bimbingan juga diberikan kepada pemohon melalui klinik, bengkel dan kursus yang diadakan. Selain itu, Mesyuarat Panel Bil. 4 Tahun 2014 bertarikh 13 Julai 2014 telah memutuskan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Negeri hendaklah diadakan pada setiap bulan.**

Pada pendapat Audit, prestasi pemprosesan permohonan Sijil Halal MAIDAM adalah kurang memuaskan kerana tempoh pemprosesan yang panjang. Usaha MAIDAM untuk menambah baik garis panduan sedia ada bagi memastikan tempoh pemprosesan pengeluaran Sijil Halal tidak mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan adalah satu langkah/tindakan yang baik.

3.4.2. Pemeriksaan Premis Sebelum Pensijilan Halal

3.4.2.1. Pemeriksaan terhadap premis pemohon sebelum Pensijilan Halal penting dilaksanakan supaya proses pensijilan Halal dapat dibuat dengan sempurna selain mematuhi syarat yang ditetapkan. Lawatan Audit telah dijalankan pada 3 hingga 22 September 2014 bersama pegawai dari Bahagian Kajian Dan Penyelidikan Jabatan Halal ke atas 7 premis yang terdiri daripada 3 premis makanan dan 4 premis pengusaha produk. Enam daripada 7 premis yang dilawati merupakan pemegang Sijil Halal sedia ada yang telah mengemukakan permohonan pembaharuan sijil manakala satu premis lagi

merupakan proses permohonan baharu. Hasil daripada pemeriksaan tersebut mendapati 5 premis/pengusaha produk telah dikeluarkan Laporan Ketidakkakuran kerana terdapat beberapa ketidakpatuhan kepada syarat Sijil Halal. Pengusaha premis berkenaan dikehendaki mengambil tindakan pembedahan dalam tempoh sebulan dan sekiranya tindakan pembedahan tidak diambil dalam tempoh yang diberikan, permohonan mereka akan ditolak.

3.4.2.2. Mengikut maklum balas MAIDAM bertarikh 8 Januari 2015, tindakan pembedahan telah diambil oleh pemohon sijil terhadap ketidakkakuran yang berlaku. Gambar-gambar ketidakkakuran dan tindakan pembedahan yang diambil adalah seperti di Gambar 3.1 hingga Gambar 3.6.

Gambar 3.1
Lampu Di Bahagian Pemprosesan
Tidak Berpenutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Marang
Tarikh: 3 September 2014

Gambar 3.2
Siling Dan Lampu Berpenutup
Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Pengurusan Halal, MAIDAM
Lokasi: Marang
Tarikh: 12 Oktober 2014

Gambar 3.3
Produk Siap Diletakkan Di Atas Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Marang
Tarikh: 3 September 2014

Gambar 3.4
Produk Siap Diletakkan Di Atas Rak



Sumber: Jabatan Pengurusan Halal, MAIDAM
Lokasi: Marang
Tarikh: 12 Oktober 2014

Gambar 3.5
Jeriji Besi Di Bahagian Pemprosesan
Tidak Dipasang *Netting*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terengganu
Tarikh: 26 Ogos 2014

Gambar 3.6
Tempat Pemprosesan Menggunakan Alas
Daripada Guni Terpakai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Marang
Tarikh: 3 September 2014

Pada pendapat Audit, pemeriksaan premis sebelum Sijil Halal dikeluarkan adalah memuaskan. Namun, tempoh masa yang diambil untuk menjalankan pemeriksaan bagi tujuan persijilan hendaklah dipercepatkan.

3.4.3. Tahap Kesedaran Pengusaha Terhadap Pensijilan Halal Masih Rendah

3.4.3.1. Pada masa sekarang, tidak ada undang-undang yang menghendaki pengusaha premis makanan, pengeluar produk dan rumah sembelihan bagi mendapatkan pensijilan halal. Bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap produk halal, pihak Jabatan Halal dengan kerjasama agensi lain yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan hebahan terhadap industri halal.

3.4.3.2. Semakan Audit mendapati Jabatan Halal ada menjalankan aktiviti promosi antaranya penganjuran kursus berkaitan halal, seminar dan bengkel. Sebanyak 39 kursus, bengkel, seminar dan pameran produk telah dijalankan oleh Jabatan Halal dan agensi yang mempunyai kepentingan dalam pengurusan halal telah diadakan pada tahun 2012 hingga bulan September 2014. Usaha ini dijalankan secara berterusan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran kepada pengusaha dan pengguna terhadap pengesahan Sijil Halal. Semakan lanjut Audit mendapati kesedaran pengusaha hotel/*resort* dan rumah sembelihan di Negeri Terengganu masih berada pada tahap rendah di mana hanya 18 (22.8%) daripada 79 pengusaha hotel yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan mempunyai Sijil Halal. Manakala kesemua 4 rumah sembelihan yang diselia oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak disijilkan halal. Sementara itu, hanya 2 (9.1%) daripada 22 rumah sembelihan persendirian yang mempunyai Sijil Halal. Kedudukan pemegang Sijil Halal mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Kedudukan Pemegang Sijil Halal Mengikut Kategori Di Negeri Terengganu

Bil.	Kategori	Bilangan	Pemegang Sijil Halal	
			Bilangan	(%)
1.	Pengusaha hotel/ <i>resort</i> yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Terengganu	79	18	22.8
2.	Rumah sembelihan di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4	0	0
3.	Rumah sembelihan/ memproses ayam	22	2	9.1

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

3.4.3.3. Antara cadangan Jabatan Halal MAIDAM bagi meningkatkan kesedaran pengusaha terhadap pensijilan halal adalah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar hanya memilih hotel/*resort* yang memiliki Sijil Halal bagi mengadakan aktiviti anjuran jabatan dan Agensi Negeri; meluaskan peraturan kontrak dan bekalan bahan mentah yang bersijil halal bagi premis kerajaan dan kantin sekolah; mengadakan promosi kesedaran pensijilan halal kepada rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan juga pusat ternakan ayam persendirian dan mengadakan pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis yang belum mendapat Sijil Halal bagi memastikan tiada penyalahgunaan sijil, logo dan perbendaharaan halal.

3.4.3.4. **Berdasarkan maklum balas MAIDAM bertarikh 8 Januari 2015, kesedaran terhadap pensijilan halal masih rendah kerana majoriti penduduknya adalah orang Islam menyebabkan masyarakat Islam kurang tercabar bagi mendapatkan makanan halal; produk makanan oleh industri kecil masih mendapat permintaan yang tinggi bagi pasaran tempatan walaupun tidak ada pensijilan halal dan salah tanggapan pengusaha/pemilik produk dan premis bahawa proses untuk mendapatkan Sijil Halal amat rumit dan melibatkan kos yang tinggi.**

Pada pendapat Audit, pihak MAIDAM perlu mempertingkatkan usaha untuk menggalakkan pengusaha makanan dan perhotelan mengambil Sijil Halal.

3.4.4. Pemantauan dan Penguatkuasaan

3.4.4.1. Kelewatan Pembaharuan Sijil Halal Oleh Pemegang Sijil

- a. Perenggan 8.3 MPPH, menjelaskan pemegang Sijil Halal hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan Sijil Halal dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh sijil. Semakan Audit terhadap 23 pemegang Sijil Halal yang tamat pada atau sebelum 30 September 2014 mendapati sebanyak 16 pemegang sijil telah lewat mengemukakan pembaharuan Sijil Halal antara 1 hingga 97 hari. Semakan lanjut Audit mendapati tidak ada surat peringatan dikeluarkan kepada pemegang Sijil Halal yang akan tamat tempoh bagi memastikan permohonan pembaharuan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

- b. **Berdasarkan maklum balas MAIDAM bertarikh 8 Januari 2015, mengikut amalan, pemegang Sijil Halal yang akan tamat tempoh tidak pernah dihubungi bagi menyatakan sijil mereka akan tamat tempoh pada tarikh yang ditetapkan. Jabatan Halal telah memperkenalkan satu pendekatan baharu dengan menghubungi pemegang Sijil Halal melalui surat dan telefon untuk memaklumkan kepada mereka untuk memperbaharui Sijil Halal yang akan tamat tempoh.**

3.4.4.2. Pemantauan Terhadap Pemegang Sijil Halal Kurang Memuaskan

- a. Berdasarkan Klausula 7.4 MPPH, semua pengeluar/pengilang produk/ pengedar/ penjual/pembungkusan semula/premis makanan/premis sembelihan dan logistik yang telah mendapat Sijil Halal hendaklah dibuat pemantauan dan perlu dilakukan secara mengejut. Sekiranya terdapat sebarang ketidakakuran terhadap syarat pensijilan yang serius, pengesahan Sijil Halal boleh ditarik balik dan bagi kesalahan yang kecil, notis peringatan akan diberikan kepada pengusaha terbabit.
- b. Jabatan Halal didapati tidak menetapkan tempoh pelaksanaan pemantauan ke atas pemegang Sijil Halal. Semakan Audit terhadap rekod pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan Halal mendapati pemantauan telah dijalankan terhadap 2 pemegang Sijil Halal dan 4 bukan pemegang Sijil Halal bagi tahun 2013. Manakala sebanyak 29 pemegang Sijil Halal dan 49 bukan pemegang Sijil Halal telah dibuat pemantauan bagi tahun 2014 (sehingga bulan September). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pemantauan yang dilaksanakan pada tahun 2012 kerana tidak ada rekod diselenggarakan. Hasil pemantauan tersebut, pihak Jabatan Halal telah mengeluarkan 5 Laporan Ketidakakuran kepada pemegang Sijil Halal dan didapati ketidakakuran tersebut telah diambil tindakan oleh pengusaha premis semasa pemeriksaan susulan dibuat. Selain itu, semakan Audit terhadap 22 pemegang sijil halal yang diluluskan dalam tahun 2012 dan tamat sebelum atau pada 30 September 2014 mendapati hanya 8 pemegang Sijil Halal telah dipantau sekurang-kurangnya sekali sebelum tarikh sah Sijil Halal tamat.
- c. Lawatan dan pemantauan bersama pegawai Bahagian Pemantauan Dan Penguatkuasaan Jabatan Halal telah dijalankan antara 4 hingga 22 September 2014 ke atas 12 premis pemegang Sijil Halal meliputi rumah sembelihan, premis makanan/minuman dan premis pengeluar produk makanan/minuman. Hasil lawatan mendapati perkara-perkara seperti perenggan berikut:

i. Rumah Sembelihan

MPPH menetapkan syarat khusus yang perlu dipatuhi oleh pengusaha rumah sembelihan antaranya berkenaan haiwan yang disembelih, proses penyembelihan, pengendalian peralatan dan tenaga kerja. Hasil pemeriksaan ke atas 2 rumah sembelihan mendapati operasi yang dijalankan telah mematuhi

prosedur dan syarat-syarat pensijilan halal yang ditetapkan seperti penyembelih mempunyai sijil tauliah, pisau sembelihan dibersihkan menggunakan air yang mengalir, pekerja memakai pakaian pelindung, mempunyai Pemeriksa Halal (*Checker*) serta takungan basuh kaki diisi air bersih seperti di **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.9**. Bagaimanapun, satu pemilik rumah sembelihan telah diberikan peringatan kerana plastik pembungkusan yang digunakan tidak tertera nama syarikat dan logo halal seperti di **Gambar 3.10**.

Gambar 3.7
Pekerja Memakai Pakaian Pelindung Yang Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terengganu
Tarikh: 15 September 2014

Gambar 3.8
Pemeriksa Halal Melakukan Pemeriksaan Ke Atas Ayam Yang Telah Disembelih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terengganu
Tarikh: 15 September 2014

Gambar 3.9
Takungan Air Bersih Disediakan Di Pintu Masuk Bahagian Proses



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terengganu
Tarikh: 15 September 2014

Gambar 3.10
Plastik Pembungkusan Tidak Mempunyai Nama Syarikat Dan Logo Halal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terengganu
Tarikh: 15 September 2014

ii. Premis Makanan

MPPH menetapkan syarat kepada pengusaha premis makanan antaranya sumber bahan mentah yang berasaskan haiwan mestilah dari sumber yang disahkan halal oleh JAKIM, bahan mentah hendaklah disimpan dalam stor yang berasingan dan tidak bercampur dengan bahan yang tidak halal serta menggunakan tenaga kerja Muslim. Hasil lawatan Audit bersama pegawai

Bahagian Pemantauan Dan Penguatkuasaan Jabatan Halal ke atas 7 premis makanan mendapati 6 pemilik premis telah diberikan Notis Ketidakakuran Pensijilan Halal Malaysia. Pemilik premis diberikan tempoh masa selama sebulan untuk mengambil tindakan pembetulan terhadap ketidakakuran dan teguran yang disenaraikan. Sekiranya pemilik premis gagal untuk mengambil tindakan pembetulan seperti yang diarahkan, Sijil Halal premis tersebut akan digantung.

iii. Produk Makanan

MPPH menetapkan antara syarat yang perlu dipatuhi bagi pengeluar produk makanan/minuman adalah penggunaan sumber bahan mentah yang halal dan selamat dan disimpan dalam stor yang berasingan serta tidak bercampur dengan bahan yang tidak halal. Lawatan Audit bersama pegawai Bahagian Pemantauan Dan Penguatkuasaan Jabatan Halal ke 3 premis produk makanan mendapati satu premis pemegang Sijil Halal tidak beroperasi dan 2 premis telah mematuhi syarat pensijilan halal yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kesalahan kecil yang dilakukan oleh pemilik premis seperti barangan yang telah dikembalikan oleh pemborong/peruncit kerana rosak dan telah tamat tempoh tidak diasingkan dengan produk baharu.

- d. **Berdasarkan maklum balas MAIDAM bertarikh 8 Januari 2015, kesalahan yang dicatat dalam Notis Ketidakakuran telah diambil tindakan pembetulan oleh pemilik premis. Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan halal tidak dapat dilaksanakan secara berkala kerana Bahagian Pemantauan Dan Penguatkuasaan Halal menghadapi masalah kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas di seluruh Negeri Terengganu, peraturan MAIDAM yang menghadkan jumlah tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa bagi satu bulan dan ketiadaan kemudahan kenderaan telah menyebabkan kerja tidak dapat dijalankan dengan lancar.**

3.4.4.3. Pengurusan Aduan Sijil Halal

Setiap aduan yang diterima adalah penting untuk dipantau untuk mengetahui mengenai mana-mana kejadian yang tidak diingini berlaku untuk diambil tindakan yang segera bagi meningkatkan mutu pengurusan sijil halal. Pengauditan yang dijalankan mendapati pihak MAIDAM (Jabatan Halal) baru sahaja mewujudkan sistem pengurusan aduan awam pada tahun 2014 yang mana dianggotai oleh seorang pegawai yang dipertanggungjawabkan secara tetap di samping tugas penguatkuasaan. Sebelum ini unit aduan halal tidak ditubuhkan secara khusus. Semua aduan tidak direkodkan untuk semakan Audit. Tindakan merekodkan semua aduan sama ada melalui lisan atau bertulis dibuat mulai tahun 2014.

Pada pendapat Audit, aktiviti/program pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah memuaskan. Bagaimanapun, satu daftar/jadual pemantauan secara berkala perlu disediakan agar pemantauan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan Pensijilan Halal Negeri Terengganu pada masa akan datang, Jabatan Pengurusan Halal (Jabatan Halal), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) adalah disyorkan untuk mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Mengkaji semula prosedur proses permohonan Sijil Halal dan menetapkan tempoh masa yang lebih jelas dan bersesuaian untuk setiap peringkat pemprosesan agar tempoh penyelesaian permohonan Sijil Halal dapat dipertingkatkan.

3.5.2. Menetapkan kekerapan pemeriksaan secara berkala terhadap premis yang telah mendapat Sijil Halal agar syarat pensijilan halal yang ditetapkan dipatuhi.

3.5.3. Mempergiatkan aktiviti promosi dan hebahan bagi meningkatkan kesedaran terhadap keperluan pensijilan halal kepada pengusaha dan pengguna.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

17 Februari 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya